



MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KEEMPAT  
*Fourth Parliament*

PENGGAL KETIGA  
*Third Session*

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 5923]

## RANG UNDANG-UNDANG:

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1978:**

*Jawatankuasa (Hari Kesepuluh) —*

*Jadual*

**Kepala B. 29 dan B. 30 [Ruangan 5954]**

**Kepala B. 28 [Ruangan 6001]**

**Kepala B. 32 hingga B. 36 [Ruangan 6012]**

## USUL:

**Anggaran Pembangunan, 1978:**

*Jawatankuasa (Hari Kesepuluh) —*

**Kepala P. 29 dan P. 30 [Ruangan 5954]**

**Kepala P. 28 [Ruangan 6001]**

**Kepala P. 32, P. 35 dan P. 37 [Ruangan 6012]**

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KETIGA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DATO SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

.. Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).

.. Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

.. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

.. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

.. Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

.. Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., S.P.M.S., P.J.K. (Ulu Langat).

.. Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

.. Menteri Kebajikan Am, DATO HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

.. Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).

.. Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

.. Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, S.P.M.K., P.G.D.K., S.M.T. (Tanah Merah).

.. Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).

.. Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).

- Yang Berhormat Menteri Kewangan, Y.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- .. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- .. Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- .. Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- .. Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- .. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, DATO HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR. SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR. NEO YEE PAN (Muar).
- .. Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- .. Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- .. Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kemaman).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR. LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN SAADUN BIN MUHAMMAD NOH (Panti).
- .. TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT. K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- .. TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP AL-HAJ, P.S.M. (Padang Rengas).
- .. TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- .. DATUK PATINGGI TAN SRI (DR.) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Payang).
- .. TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- .. TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS, P.J.K. (Dungun).
- .. DATUK HAJI ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S. (Machang).
- .. TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- .. PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- .. TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- .. DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- .. TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- .. PENGIRAN HAJI AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- .. TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- .. TUAN AJAD BIN O.T. OYONG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- .. TUAN A.K. ALIUDDIN (Kimanis).
- .. TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- .. TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).

- Yang Berhormat TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P.  
(Kulim Bandar Bharu).
- .. TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- .. TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- .. TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- .. TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- .. TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- .. PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- .. TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- .. TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- .. TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- .. TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).
- .. DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- .. TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- .. DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH (Keningau).
- .. TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- .. DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- .. TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- .. DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- .. TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHYA (Maran).
- .. TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- .. TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- .. TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- .. TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- .. TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- .. TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- .. TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- .. TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LIBEN ANAK KATO (Betong).
- .. TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- .. DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- .. TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- .. DATUK PETER LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- .. DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- .. DATUK LOH FOOK YEN (Kluang).
- .. TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR, P.J.K. (Ulu Nerus).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- ” DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- ” TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- ” TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- ” DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).
- ” TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- ” TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- ” DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- ” TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- ” TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- ” TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- ” TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- ” TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- ” TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- ” DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- ” TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- ” TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- ” DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- ” RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- ” TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- ” TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- ” TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- ” TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- ” TUAN Oo GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- ” TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- ” TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- ” TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- ” TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungei Siput).
- ” TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- ” DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- ” TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).

- Yang Berhormat DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P.  
(Baling).
- ” TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- ” TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- ” TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG  
(Ulu Rajang).
- ” TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- ” TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- ” WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- ” TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- ” TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- ” DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- ” TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- ” DATUK JAMES STEPHEN TIBOK, P.G.D.K., A.D.K. (Penampang).
- ” TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- ” TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- ” TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- ” DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- ” TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- ” TENGGU ZAID AL-HAJ BIN TENGGU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- ” WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- ” TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

### BAHAGIAN-PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy  
Louis Yeoh Sim Ngoh  
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah  
Suhor bin Husin  
Amran bin Ahmad  
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof  
Margaret Chye Kim Lian  
Puan Ng Chong Kin  
Puan Kong Yooi Thong  
Juliah binti Awam  
Supiah binti Dewak  
Ismail bin Hassan  
Shamsiah binti Mohd. Yusof  
Kalsom binti Ghazali

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

Khamis, 8hb Disember, 1977

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*  
*Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

FAMA/MAJUIKAN

**1. Raja Nasron bin Raja Ishak** minta Menteri Pertanian menyatakan samada beliau sedar bahawa di antara lain-lain faktor, yang menentukan pendapatan petani dan nelayan-nelayan ialah:—

- (i) jumlah hasil keluaran/tangkapan;
- (ii) pasaran;
- (iii) harga jualan.

Jika sedar, apakah perkembangan yang telah dibuat oleh Kementeriannya untuk menambah mempesat dan memperhebatkan aktiviti-aktiviti FAMA/MAJUIKAN dalam usaha memperbaiki ketiga-tiga faktor tersebut.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga):** Tuan Yang di-Pertua jawapannya sedar. Bagi tujuan ini agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian menjalankan program-program seperti berikut:—

**1. FAMA**

- (a) menubuhkan lebih banyak pusat-pusat pemasaran hasil-hasil pertanian dan

pusat-pusat memproses hasil-hasil pertanian, meliputi hasil-hasil seperti koko, minyak kelapa, lada hitam, kopi dan kacang tanah;

- (b) memajukan dan memperluaskan pasaran untuk hasil-hasil pertanian bukan sahaja di dalam negeri bahkan juga di luar negeri seperti di negeri-negeri Eropah, Australia, Negeri Jepun dan Timur Tengah;
- (c) mengatur pasaran untuk petani-petani dan, di mana perlu, menyertai dalam jual-beli hasil-hasil perniagaan bagi menentukan petani-petani mendapat harga yang berpatutan;
- (d) melaksanakan rancangan-rancangan kawalan yang baru yang meliputi tanaman koko dan kacang tanah memandang kepada bertambah luasnya hasil-hasil ini. Ini ialah di samping rancangan-rancangan kawalan yang ada sekarang ini yang meliputi kelapa, koko, lada hitam dan sayur-sayuran;
- (e) memperluaskan pengutipan dan penyebaran maklumat pasaran dan perkhidmatan perkembangan. Ini termasuklah menasihati petani-petani di atas hasil-hasil yang baik yang ditanam melalui kajian-kajian potensi pasaran dan pengutipan maklumat-maklumat di dalam dan di luar negeri di atas perkembangan-perkembangan pasaran bagi hasil-hasil utama luar bandar; dan

- (f) menambahkan penyelidikan pemasaran dan pasaran dengan bertambahnya kakitangan di peringkat negeri dan daerah yang akan membolehkan FAMA mengatasi masalah-masalah pemasaran dengan secepat mungkin.

## 2. MAJUIKAN

- (a) di samping menyediakan 180 buah bot penangkapan ikan untuk dikendalikan oleh nelayan-nelayan di beberapa pusat penangkapan ikan di bawah Rancangan Malaysia Kedua, MAJUIKAN akan menambah sebanyak 220 buah lagi bot-bot penangkapan ikan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga supaya lebih ramai nelayan berpeluang mengendalikan bot yang lebih besar dan lengkap;
- (b) nelayan yang mengendalikan bot ini digalakkan supaya berada lebih lama di laut kerana dengan cara ini usaha menangkap ikan menjadi lebih ekonomikal. Dengan berada beberapa hari di laut bagi tiap-tiap satu trip bukan sahaja menghasilkan tangkapan yang lebih banyak tetapi juga menjimatkan perbelanjaan;
- (c) di samping itu Kerajaan juga memberikan subsidi kepada nelayan melalui Jabatan Perikanan yang mana salah satu tujuannya ialah untuk menggalakkan nelayan menggunakan alat penangkapan ikan yang lebih mendatangkan hasil;
- (d) mendirikan beberapa lagi kompleks pendaratan dengan pemasaran ikan yang lengkap dan kemudahan pemasaran seperti jeti pendaratan, dewan pasaran, bengkel membungkus, bilik sejuk dan bekalan air batu. Dengan adanya kemudahan-kemudahan ini maka dapatlah disediakan satu peraturan bagi mengatur dan menyelia kegiatan-kegiatan pendaratan, peringkat (grading), pelelongan, pemetian

dan pengangkutan dan membaiki pendapatan nelayan melalui sistem jualan borong; dan

- (e) mengadakan Rancangan Kawalan Pemasaran Ikan di beberapa tempat yang penting seperti Kuala Trengganu, Kuala Lumpur, Ipoh dan Johor Bahru.

Dengan adanya aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh FAMA dan MAJUIKAN melalui program-program yang disebutkan tadi, saya berasa yakin bahawa pendapatan petani-petani dan nelayan-nelayan akan dapat diperbaiki lagi.

**Raja Nasron bin Raja Ishak:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian ada mengatakan secara umum bahawa usaha sedang dibuat oleh Kementeriannya menambah pusat pemasaran. Soalan saya ialah jika hendak menambah pusat pemasaran apakah perkembangannya, misalannya kalau di dalam jawapannya berkenaan dengan MAJUIKAN beliau mengatakan ada ditambah 220 lagi bot. Saya hendak mengetahui berapa tambahan pusat pemasaran di dalam FAMA kalau dibandingkan di antara Rancangan Malaysia Kedua dengan Rancangan Malaysia Ketiga ini.

**Tuan Edmund Langgu anak Saga:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis.

## PASPOT TERHAD

**2. Tuan Lim Kit Siang** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk menyejajarkan pengeluaran paspot-pasport terhad di Johor Bahru supaya mencegah kesusahan yang tidak patut dikenakan kepada pemohon-pemohon yang kadangkala terpaksa menunggu untuk beberapa jam dalam sebuah pejabat yang panas dan bersedak dan samada sebuah pejabat paspot berasing akan ditubuhkan di

Singapura untuk menampung keperluan 100,000 rakyat Malaysia yang bekerja di sana.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Shariff Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, kesesakan pemohon untuk mendapat paspot terhad di Johor Bahru biasanya berlaku pada musim-musim cuti sekolah. Untuk mengatasi masaalah ini pihak Imigeresen telah mengarahkan pegawai-pegawai dari bahagian-bahagian lain bekerja di Bahagian Paspot untuk membantu Pegawai-pegawai Paspot memproses dan mengeluarkan paspot dengan secepat mungkin.

Menyentuh cadangan Yang Berhormat supaya diadakan Pejabat Paspot berasingan di Singapura untuk menampung keperluan rakyat Malaysia yang bekerja di sana, pada pendapat Kementerian ini tidaklah perlu kerana Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Singapura telah diberi kuasa bagi mengeluarkan dan membaharui Paspot-paspot Warganegara Malaysia yang bekerja di sana.

### LATIHAN SUKAN

**3. Tuan Shaari bin Jusoh** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan adakah Kementerian yang berkenaan sedar bahawa sukan di negara kita ini kurang mendapat kejayaan. Tidakkah Kementerian yang berkenaan bercadang akan memberi keistimewaan kepada peserta-peserta sukan di negara Malaysia dengan memberi peluang mereka menjalani latihan yang memuaskan.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dr. Neo Yee Pan):** Tuan Yang di-Pertua, jawapan soalan yang hampir sama yang dibuat oleh Yang Berhormat Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad telahpun diberikan oleh Kementerian saya baru-baru ini.

Kementerian saya sedar bahawa beberapa jenis sukan kurang mencapai kejayaan dan sebaliknya beberapa jenis sukan kurang mencapai kejayaan yang cemerlang seperti yang telah dibuktikan dalam beberapa per-

tandingan antarabangsa termasuk Sukan SEA yang Kesembilan yang baru-baru tamat ini. Kementerian saya akan mengambil langkah-langkah untuk meninggikan prestasi pasukan-pasukan yang lemah dan menguatkan serta mengekalkan kedudukan pasukan-pasukan yang telah memperolehi kejayaan baik di peringkat kawasan SEA, Asia ataupun di peringkat Dunia.

Sistem latihan yang sedang dan telah diadakan iaitu latihan sepanjang tahun akan dikaji dari masa ke semasa untuk menentukan supaya pasukan-pasukan kita akan dapat memberi tentangan yang hebat dalam pertandingan-pertandingan antarabangsa yang akan datang.

### SEKIM NO-FAULT COMPENSATION

**4. Tuan Lim Kit Siang** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Undang-undang menyatakan bila sekim no-fault compensation bagi semua kemalangan kenderaan akan dilaksanakan dan nyatakan samada beliau akan menimbang memasukkan semua kes-kes kebelakangan yang ada sekarang di bawah sekim yang dicadangkan apabila ianya dilaksanakan.

**Timbalan Menteri Undang-undang (Tuan Rais Yatim):** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini adalah sukar hendak menyatakan dengan tegasnya bilakah sekim no-fault compensation bagi kemalangan jalanraya itu akan dilaksanakan oleh kerana banyak kerja-kerja dan persediaan yang perlu dilakukan lebih dahulu seperti penyediaan undang-undang dan selepas itu pula pengambilan kakitangan untuk mengendalikan sekim tersebut. Penyusunan organisasi yang perlu untuk menjayakan sekim itu dan seterusnya penubuhan suatu sistem kerja yang kemas dan teratur supaya sekim tersebut dapat berjalan dengan licin. Pada masa ini sebuah jawatankuasa bernama Jawatankuasa Pampasan Kemalangan Jalanraya yang dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Undang-undang yang menyediakan sebuah laporan mengenai sekim itu untuk dipertimbangkan oleh Jemaah Menteri.

Soal samada kes-kes kemalangan yang sudah berlaku patut atau boleh dimasukkan di bawah sekim yang dicadangkan atau sebaliknya adalah soal yang rumit dan tidak dapat diputuskan pada masa ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Masa lampau kita ada baca di dalam surat-khabar kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa Jawatankuasa ini telah habis atau sampai peringkat akhir untuk siapkan laporan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menearangkan bila laporan ini boleh disiapkan?

**Tuan Rais Yatim:** Tuan Yang di-Pertua, rangka kasar dan juga semua laporan sudahpun siap, yang ditunggu hanya implikasi drafting pada ketika ini sebelum dikemukakan kepada Kerajaan untuk ditimbang, selepas itu maka laporan ini akan dengan rasminya dikemukakan.

#### BIRO PENGADUAN KHAS PEMBELI-PEMBELI RUMAH

5. **Tuan Haji Jamil bin Ishak** minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan adakah beliau mencadang untuk menubuhkan sebuah Biro Pengaduan Khas bagi pembeli-pembeli rumah memandangkan bermacam-macam masalah kerumitan dan penipuan yang wujud.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Dato' Haji Ramli bin Omar):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak bercadang untuk menubuhkannya.

#### MAHKAMAH RENDAH DI KEDAH UTARA

6. **Tuan Oo Gin Sun** minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau menyedari bahawa semenjak tiga bulan yang lampau, Mahkamah-mahkamah Rendah di Kedah Utara berada di dalam keadaan kucar-kacir di mana

cuma seorang Pengadil Mahkamah bertugas di semua Mahkamah-mahkamah di mana biasanya empat orang Pengadil menjalankan tugas-tugas itu.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan S. Subramaniam):** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa kerja-kerja mahkamah di kawasan Kedah Utara telah tergendala apabila dua orang Majisteret yang bertugas di Alor Setar dan seorang lagi Majisteret di Kangar mendaftarkan diri bagi mengikuti kursus Ijazah Undang-undang di Universiti Malaya dalam bulan Julai yang lalu dan pengganti mereka tidak dapat dihantar dengan serta-merta. Walau bagaimanapun, Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi Alor Setar dan Pendaftar Mahkamah Sesyen Alor Setar telah diarah supaya membantu dalam mengendalikan tugas-tugas mahkamah-mahkamah rendah yang terlibat dan keadaan ini telahpun diatasi dengan menempatkan dua orang Majisteret pengganti di Alor Setar pada 10hb Oktober, 1977 dan seorang lagi di Mahkamah Rendah, Kangar pada 1hb November, 1977.

#### PELEPASAN CUKAI MEMBELI RUMAH

7. **Tuan Lee Boon Peng** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau akan menimbang membekalkan pengecualian cukai kepada pembayar-pembayar cukai membeli rumah-rumah atas pinjaman-pinjaman dari bank-bank atau syarikat-syarikat kewangan, sama seperti pengecualian yang diberi oleh setengah-setengah negara seperti United Kingdom supaya menggalakkan satu demokrasi mempunyai rumah sendiri. Jika ya, apa tindakan-tindakan akan diambil oleh beliau dalam perkara ini, dan jika tidak, mengapa?

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun):** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk memberi pelepasan cukai kepada pembayar-pembayar cukai yang membeli rumah dengan

mendapat pinjaman wang daripada bank-bank atau syarikat-syarikat kewangan. Pelepasan cukai sedemikian akan hanya memberi faedah yang lebih kepada pembayar-pembayar cukai yang berpendapatan tinggi dan mampu membeli rumah yang mahal dan kemudian mendapat pengecualian dari kadar cukai sut yang tinggi. Sebaliknya golongan yang berpendapatan rendah mungkin tidak dapat apa-apa munafaat daripada langkah ini oleh sebab ramai di antara mereka membayar cukai pendapatan mengikut kadar yang rendah atau tiada membayar cukai pendapatan sama sekali. Oleh yang demikian, langkah yang dicadangkan tidak memberi munafaat yang sama rata kepada semua golongan pembayar cukai.

Untuk makluman Yang Berhormat di bawah sistem percukaian di Malaysia nilai sewa rumah kediaman anggapan tidak diambilkira kepada semua pendapatan seseorang bagi mentaksir cukainya. Ini adalah serupa dengan memberi pengecualian atas nilai anggapan itu dan di United Kingdom nilai ini diambilkira dengan pendapatan-pendapatan yang lain dalam taksiran cukai pendapatan.

### BEKALAN MINYAK TANAH

**8. Tuan Abit anak Angkin** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada Kerajaan sedar bahawa di setengah-setengah bahagian dalam negeri ini orang ramai sedang menghadapi kesusahan hendak mendapat bekalan minyak tanah walaupun untuk kegunaan rumah. Ada kalanya orang-orang kampung dari tempat-tempat yang terpencil diberi hanya satu gelen minyak tanah walaupun mereka memerlukan lebih daripada itu dan membayar tunai pula. Jika sedar, apakah langkah yang sedang diambil untuk membetulkan keadaan yang tidak diinginkan ini.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Seri Mohamed bin Rahmat):** Tuan Yang di-Pertua, dua soalan yang serupa yang dikemukakan oleh Ahli

Yang Berhormat dari Kuala Kangsar dan juga Sungei Petani dan telah dijawab di Dewan ini pada 3.11.77 dan 5.12.77 yang lalu oleh Yang Berhormat Menteri, dan saya tidak bercadang untuk menambah atau mengulang jawapan yang telah diberikan.

### RUMAH PANJANG

**9. Tuan Sibut Miyut anak Tagong** minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan samada Kerajaan bercadang hendak memberi bantuan kepada penduduk-penduduk rumah panjang di Sarawak atau memberi pinjaman untuk menjalankan suatu rancangan pembinaan rumah panjang seperti Longhouse Model Scheme untuk memperbaiki taraf hidup mereka.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Perumahan dan Pembangunan Negeri Sarawak sekarang sedang membina satu projek perintis rumah panjang di Nanga Merirai dalam Bahagian Ketujuh, Negeri Sarawak. Projek ini melibatkan pembinaan rumah panjang yang mengandungi 31 unit dan dijangka akan siap dalam bulan Disember, 1977.

Sementara itu saya telah juga diberitahu bahawa Suruhanjaya Perumahan dan Pembangunan Sarawak juga sedang giat mengkaji projek-projek rumah panjang di Sungai Engkabang (Daerah Serian) di Bahagian Pertama dan di Ulu Balingian (Daerah Mukah) di Bahagian Ketiga dalam negeri itu.

### PEJABAT TANAH

**10. Wan Zainab binti M.A. Bakar** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan adakah beliau sedar kelewatan selalu berlaku mengenai pemberian-pemberian tanah kepada orang-orang yang tidak mempunyai tanah dan selalunya memakan masa hingga 2 dan 3 tahun tidak selesai. Ini menyebabkan ramai orang yang

tidak bertanah telah meneroka tanah-tanah Kerajaan. Jika ya, apakah tindakan yang akan diambil.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Haji Embong bin Yahya):** Tuan Yang di-Pertua, ya, saya memang sedar ada berlaku kelewatan di dalam perkara pemberian tanah Kerajaan kepada pemohon-pemohon. Saya juga sedar perkara ini adalah juga satu daripada perkara yang menyebabkan berlakunya penerokaan haram di atas tanah-tanah Kerajaan.

Pihak Kerajaan memandang berat di atas perkara ini. Perkara ini berlaku adalah disebabkan, antara lain, oleh perkara-perkara berikut yang ujud secara umum, di dalam jentera pentadbiran tanah yang ada sekarang:—

- (i) Kekurangan kakitangan yang dialami oleh setengah-setengah Pejabat Tanah berbanding dengan kerja-kerja yang kian bertambah;
- (ii) kekurangan pengetahuan dan kemahiran bekerja di kalangan kakitangan; dan
- (iii) pertukaran keluar daripada pentadbiran tanah yang kerap berlaku dan digantikan dengan mereka yang kurang berpengalaman.

Masalah-masalah tersebut mendapat perhatian berat daripada Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dan tindakan-tindakan berikut sedang dijalankan bagi mengatasinya:—

- (i) menggesa pihak Kerajaan supaya menambahkan kakitangan, sebanyak bilangan yang sesuai, bagi pejabat-pejabat tanah yang mengalami masalah ini;
- (ii) menggesa supaya pertukaran keluar kakitangan-kakitangan di pentadbiran tanah dikurangkan dan pengganti-penggantinya hendaklah juga mereka yang berpengalaman;
- (iii) kursus-kursus mengenai pentadbiran tanah dari segi pengurusan dan juga

undang-undang yang berkaitan dengan pentadbiran tanah diadakan di INTAN dan juga di negeri-negeri. Bahagian Latihan Jabatan Tanah dan Galian Persekutuan mengatur dan mengadakan kursus-kursus bagi pegawai-pegawai tanah di INTAN dan juga di negeri-negeri. Jabatan-jabatan Tanah di negeri-negeri dan daerah-daerah juga mengadakan sessi-sessi latihan bagi kakitangan-kakitangan;

- (iv) sebagai panduan bekerja bagi kakitangan-kakitangan di pejabat tanah satu buku “panduan” untuk pegawai-pegawai tanah sedang disiapkan. Dengan adanya buku panduan ini kerja-kerja akan berjalan dengan lebih baik dan licin; walau bagaimanapun, panduan dan peraturan bekerja berupa surat-surat pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian dan Pengarah Tanah dan Galian Negeri sentiasa diberikan kepada pejabat-pejabat tanah dari masa ke semasa;
- (v) untuk mengujudkan pengurusan dan pengawalan yang lebih berkesan pejabat-pejabat tanah telah digesa untuk mengadakan perkara-perkara berikut:—
  - (a) “Desk file” yang mencatatkan tingkat-tingkat kerja dan tindakan bagi satu-satu kerja yang diuruskan oleh seseorang kakitangan. Sistem ini akan dapat menolong yang berkenaan menguruskan tindakan-tindakan kepada satu-satu kerja itu — misalnya, kerja memproses satu permohonan tanah.
  - (b) “Work flow chart” yang akan mencatat tindakan-tindakan yang berlaku ke atas satu-satu kerja itu dan jangka masa yang diambil bagi menyelesaikan tiap-tiap satu tingkat kerja tersebut. Sistem ini akan dapat mengesan kelewatan tindakan-tindakan yang dijalankan ke atas satu-satu kerja itu.

Berhubung dengan masalah penerokaan tanah-tanah Kerajaan secara haram Kerajaan melalui Majlis Tanah Negara telah memutuskan supaya pengawalan yang lebih berkesan diadakan ke atas tanah-tanah Kerajaan daripada dicerobohi. Tujuan utamanya ialah untuk mengujudkan penguatkuasaan yang lebih rapi terhadap aktiviti-aktiviti penerokaan haram tanah-tanah Kerajaan.

**Raja Nasron bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan bahawa Kementerian menggesa Kerajaan untuk memperbaiki beberapa bidang. Soalan saya ialah apakah sikap Kementerian jika Kerajaan, dan dalam ertikata ini adalah Kerajaan Negeri iaitu dia mempunyai kuatkuasa berkenaan dengan tanah, tidak ada upaya ataupun engkar mematuhi gesaan yang dibuat oleh Kementerian?

**Dato' Haji Embong bin Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa belum pernah terjadi Kerajaan Negeri engkar dengan apa yang diberikan oleh Kerajaan Pusat untuk menambah pegawai-pegawai, tetapi masaalah yang ada pada kita sekarang ialah Kerajaan Negeri tidak dapat menambahkan pegawai-pegawai itu dengan sebab kekurangan wang perbelanjaan dan berbagai-bagai lagi masaalah seperti hendak cari orang yang berpengalaman dan sebagainya. Inilah kesusahan yang terdapat. Kerajaan Negeri sama sekali tidak engkar apa yang menjadi kebaikan kepada mereka.

**Tuan Ariffin bin Haji Daud:** Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada menyatakan bahawa satu sistem baru telah dikeluarkan. Saya ingin tahu samada sistem ini telah dijalankan. Kalau ya, mengapakah masih terdapat kelambatan?

**Dato' Haji Embong bin Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya cakapkan kita berjalan dari semasa ke semasa, selangkah demi selangkah. Ada setengah-setengah tempat telah berubah menjadi lebih baik terutama sekali Pejabat Tanah di Wilayah Per-

sekutuan umpamanya telah membuat banyak perubahan, begitu juga di Negeri Sembilan dan di Johor, daripada apa yang saya dapat tahu. Tetapi memang kita akui ada setengah-setengah tempat lagi Pejabat Tanah yang masih mengalami kelewatan seperti yang saya sebutkan tadi kerana kekurangan pegawai ataupun pegawai yang ada itu ditukarkan ke tempat lain. Inilah yang menyebabkan ke-lambatan tetapi peraturan untuk kebaikan itu tadi sedang berjalan.

**Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya:** Soalan tambahan. Bolehkah saya mendapat penjelasan daripada Setiausaha Parlimen yang berkenaan apakah jenis penguatkuasaan tanah haram yang dimaksudkan tadi dan adakah pihak Kementerian ini sedar bahawa cara menguatkuasakan pada masa dulu tidak meninggalkan apa-apa kesan?

**Dato' Haji Embong bin Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, penguatkuasa yang dicadangkan yang disebutkan tadi iaitu Majlis Tanah Negara berunding dengan Kerajaan Negeri supaya Kerajaan Negeri masing-masing mengadakan satu Jawatankuasa Penguatkuasaan tentang pencerobohan di atas tanah-tanah haram di negeri-negeri yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan memang selama inipun ada peraturan undang-undang yang menyekat daripada rakyat meneroka tanah haram ini tetapi oleh sebab keadaan tanah ini begitu luas dan setengahnya diteroka di tempat-tempat yang sulit ataupun yang jauh di bukit-bukit, kita tidak dapat hendak mengesannya. Itulah setengahnya masih berlaku.

**Tuan Ja'afar bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Setiausaha Parlimen Kementerian berkenaan ada menyatakan bahawa Kementerian boleh menggesa Pejabat-pejabat Tanah untuk menambahkan bilangan kakitangan di Pejabat Tanah yang ada di dalam tanahair kita ini. Dalam hal penambahan bilangan kakitangan Kerajaan di Pejabat Tanah adakah Setiausaha Parlimen ini sedar bahawa penambahan bilangan kakitangan bagi satu-satu

pejabat lebih-lebih lagi Pejabat Tanah ataupun bagi mengadakan suatu cara creation of new post mesti terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam dan kadangkala creation of new post seumpama ini tidak dapat diluluskan oleh pihak yang berkenaan. Apakah sikap dan pendirian Kementerian berkenaan di dalam hal ini?

**Dato' Haji Embong bin Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, memang kita tahu sistem pentadbiran kita mengenai sesuatu pengambilan pegawai atau penambahan pegawai di mana-mana pejabat, bukan sahaja di Pejabat Tanah adalah di bawah kuasa Jabatan Perkhidmatan Awam. Dengan sebab itu, Kementerian ini sekarang dan dari dahulu juga telah mengadakan perundingan dari semasa ke semasa dengan Jabatan Perkhidmatan Awam dan juga seperti yang saya nyatakan dahulu sebagai Pengerusi Majlis Tanah Negara, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri berunding dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam bagi mencari ikhtiar supaya dapat memperbaiki mutu pegawai-pegawai di Pejabat-pejabat Tanah, dan menambah lebih banyak lagi bilangannya daripada sekarang atau dengan menghantarkan pegawai-pegawai yang berpengalaman bagi menyelesaikan kerja-kerja yang banyak di Pejabat Tanah itu. Ini memang kita adakan perundingan dari semasa ke semasa. Kalau sekiranya kita tidak dapat pegawai, ini bukanlah salah Kementerian. Ini terpulanglah kepada Jabatan Perkhidmatan Awam yang mengambil pegawai-pegawai dari semasa ke semasa mengikut kemampuan negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Makin bertambah nampaknya untuk soalan tambahan. Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh — yang akhir sekali.

**Tuan Ariffin bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Setiausaha Parlimen ada menyatakan bahawa sistem baru telah dikeluarkan. Jadi ini bermakna bahawa pentadbiran yang menyebabkan kelambatan, tetapi apabila dijawab soalan tambahan saya, beliau menyata-

kan bahawa kekurangan kakitangan pula. Jadi, saya ingin tahu bahawa yang menyebabkan kelambatan itu apakah sebabnya. Adakah sebab kerana kekurangan kakitangan ataupun sistem pentadbiran itu tak betul?

**Dato' Haji Embong bin Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, sudah tentu Ahli Yang Berhormat sendiri tahu kalau dikatakan jentera pentadbiran itu termasuklah kakitangannya sekali.

## JEMAAH HAJI SARAWAK

**11. Tuan Haji Hadadak bin Haji Daing Pasauk** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kementerian tersebut sedar bahawa Bakal-bakal Haji dari Sarawak selalu mendapat kesulitan ketika berada di Kuala Lumpur, terutama tempat tinggal dan mereka terpaksa menyewa hotel. Adakah Kementerian bercadang mengadakan tempat-tempat tinggal yang tetap kepada bakal-bakal Haji tersebut di samping pengangkutan untuk mereka hingga ke Lapanganterbang Subang.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Senator Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah):** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa bakal-bakal Haji dari Sarawak selalu mendapat kesulitan ketika berada di Kuala Lumpur terutama mengenai tempat tinggal.

Biasanya apabila Jemaah Haji Sarawak tiba di Lapanganterbang Subang seorang Pegawai Lembaga Urusan dan Tabung Haji berada di Lapanganterbang untuk menemui serta memberi pertolongan yang diperlukan.

Apabila Jemaah Haji dari Sarawak itu tiba di Lapanganterbang Subang sekurang-kurangnya sehari sebelum waktu penerbangan, pihak Tabung Haji akan menolong menyewakan Hotel bagi Jemaah berkenaan serta menghantarnya dari Lapanganterbang Subang ke Hotel. Tetapi sekiranya bakal Haji sampai di Lapanganterbang Subang hanya beberapa jam sebelum kapalterbang Haji bertolak ke Jeddah

mereka akan diberikan kemudahan untuk berihat di Lapanganterbang dan barang-barang bakal Haji dimasukkan terus ke pesawat tanpa ditimbang semula. Jika ramai Jemaah Haji Sarawak bertolak dari Kuching dalam satu Penerbangan, Pegawai Tabung Haji di Kuching akan turut bersama menghantar mereka hingga ke Subang dan sewaktu di Subang akan memberikan pertolongan yang diperlukan.

Mengenai bangunan untuk tempat tinggal bagi bakal-bakal Haji di kawasan Lapanganterbang Subang, Lembaga Urusan dan Tabung Haji bersama dengan Persatuan Umat Islam Subang Jaya sedang berunding untuk mendapatkan sebidang tanah di kawasan Subang Jaya. Sekiranya tanah diperolehi dari Kerajaan Negeri Selangor, Lembaga Urusan dan Tabung Haji bercadang membina sebuah Asrama Bakal-bakal Haji Malaysia berdekatan dengan Masjid yang dicadangkan oleh Persatuan Umat Islam Subang Jaya itu, insya Allah.

#### SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) PENG MIN, BALING

**12. Tuan Lee Boon Peng** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan adalah Kementerian ini bercadang untuk membina sebuah bangunan tambahan untuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Peng Min di Kampung Baru Kajai, Baling, Kedah memandangkan bahawa pada masa ini sebanyak 3 buah bilik darjah adalah menumpang di dalam bangunan sementara sahaja.

**Menteri Pelajaran (Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad):** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Peng Min di Kampung Baru Kajai, Baling, Kedah sedang menumpang di bangunan sementara. Perkara ini berlaku kerana sekolah tersebut berjalan satu sidang sahaja. Saya kira jika sekolah ini dijalankan 2 sidang ia tidak perlu menumpang di bangunan sementara. Walau bagaimanapun, saya akan

pertimbangkan bangunan gantian agar masalah dapat diatasi.

#### KERTAS PEPERIKSAAN BAHASA INGGERIS

**13. Puan Chow Poh Kheng** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada English 121 dapat dimasukkan ke dalam Karikulum (Curriculum) Sekolah supaya calon-calon yang mengambil peperiksaan MCE diberikan pilihan mengambil English 121 di samping English 122, sekiranya mereka suka di samping memberikan kemudahan kepada penuntut-penuntut yang ingin melanjutkan pelajarannya ke seberang laut.

**Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, Bahasa Inggeris 121 atau "English 121" dan "English 122" adalah dua kertas peperiksaan untuk matapelajaran Bahasa Inggeris. Kertas 121 merupai kertas peperiksaan yang disediakan oleh pihak Cambridge, dan Kertas 122 ialah kertas peperiksaan yang disediakan oleh Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pelajaran Malaysia berdasarkan Sukatan Pelajaran Baru bagi Sekolah-sekolah Menengah Atas di Malaysia.

Sukatan Pelajaran Bahasa Inggeris yang baru ini telah digubal untuk mengisi kekosongan, oleh kerana selama ini belum ada suatu Sukatan Pelajaran Bahasa Inggeris bagi Menengah Atas melainkan contoh-contoh soalan peperiksaan dari pihak Cambridge. Sehingga 1976, guru-guru Bahasa Inggeris berpandu hanya kepada sukatan peperiksaan yang dikeluarkan oleh pihak Cambridge. Pihak Kementerian Pelajaran berpendapat bahawa keadaan ini tidak sesuai menjadikan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Dengan itu suatu Sukatan Pelajaran Bahasa Inggeris telah digubal khas untuk Malaysia, dan Sukatan Pelajaran itu telah mula digunakan di sekolah-sekolah mulai tahun 1976.

Dengan penggunaan Sukatan Pelajaran baru itu, bermaknalah guru-guru Bahasa

Inggeris disediakan suatu Sukatan Pelajaran menentukan apakah strategi pengajaran dan pembelajaran yang diharapkan berlaku di dalam bilik darjah. Dengan kata lainnya, Sukatan Pelajaran Baru ini menegaskan pendekatan, strategi dan teknik mengajar yang tertentu, iaitu berdasarkan kepada situasi, dan bukan lagi berdasarkan pengajaran yang formal.

Sebagai contoh, terdapat di dalam Sukatan Pelajaran Baru ini beberapa bidang di mana apa diutamakan ialah kefahaman (comprehension skills). Kemahiran ini dibentuk dan dipupuk melalui beberapa situasi tertentu bagi membolehkan murid-murid menggunakan pengetahuan Bahasa Inggeris yang ada pada mereka.

Pengajaran Bahasa Inggeris berdasarkan Kertas 121 dan juga Sukatan Pelajaran Bahasa Inggeris Baru berkehendakkan murid-murid mencapai kemahiran kefahaman selain daripada penggunaan Bahasa, dan apa yang boleh dianggap sebagai perbezaan atau perpisahan di antara kedua-dua pengajaran itu ialah hanya dari segi 'teaching strategies'. Sukatan Pelajaran Bahasa Inggeris Baru boleh diubahsuai oleh guru mengikut kebolehan murid-muridnya, dan tiada sesuatu yang menghalang murid-murid mengambil peperiksaan Kertas 121 jika pencapaian Bahasa Inggerisnya mengizinkan mereka berbuat demikian.

Memang menjadi dasar Kementerian Pelajaran menentukan supaya guru-guru berpandukan kepada Sukatan Pelajaran yang disediakan oleh Kementerian Pelajaran sendiri, dan adalah tidak munasabah jika guru-guru mengenyepikan Sukatan Pelajaran yang telah disediakan itu. Soalan samada Kertas 121 dapat dimasukkan ke dalam kurikulum Bahasa Inggeris di sekolah tidak timbul, oleh kerana Bahasa Inggeris tetap diajar di dalam bilik darjah. Apa yang perlu diberi perhatian sekarang ialah supaya dalam proses mengajar itu murid-murid dilengkapi dengan segala kemahiran bahasa yang

difikirkan perlu dan penting bagi membolehkan mereka menghadapi sebarang peperiksaan, terutama Kertas 122 yang diwajibkan di dalam peperiksaan SPM/MCE serta juga Kertas 121 jika mereka ingin memasuki mana-mana universiti di Great Britain. Perlu juga ditegaskan bahawa Kertas 121 itu hanya diiktirafkan oleh pihak universiti di Great Britain, dan sekiranya pelajar-pelajar kita ingin melanjutkan pelajaran di negara-negara lain, ada pula kertas peperiksaan Bahasa Inggeris yang perlu diambil, misalnya, TOEFL untuk universiti di Amerika Syarikat, kertas matrikulasi di Australia dan sebagainya.

Kementerian Pelajaran mempunyai kepercayaan penuh dengan kebolehan guru-guru mengajar murid-murid mereka mencapai kemahiran di dalam Bahasa Inggeris untuk membolehkan mereka mengambil peperiksaan tertentu. Kementerian ini sedang berikhtiar supaya pihak Cambridge mengakui Kertas 122, dan dengan itu dengan sendirinya mengakui kaedah-kaedah yang dikemukakan di dalam sukatan pelajaran baru itu.

## LADANG KELAPA SAWIT

**14. Tuan Latip bin Haji Dris** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan adakah bayaran ganti rugi tanah rakyat bumiputra yang diambil oleh Kerajaan untuk ladang kelapa sawit di antara Mukah-Balingian telah selesai dibayar. Jika belum berapa banyakkah jumlahnya.

**Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dr. Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua, bagi naklumat Ahli Yang Berhormat, tanah yang diambil di kawasan Mukah-Balingian itu terbahagi kepada 4 bahagian, iaitu:—

- (i) Mukah I dan II
- (ii) Mukah III dan IV
- (iii) Mukah V, dan
- (iv) Kawasan Ternakan Lembu.

Kawasan Mukah I dan II yang besarnya kira-kira 3,303 ekar telah dibayar gantirugi yang berjumlah \$405,544.20. Pembayaran ini telah dibuat dalam tahun 1973.

Di kawasan Mukah III dan IV pula, gantirugi sebanyak \$1,540,216.67 telah dibayar bagi kawasan seluas 9,993.70 ekar. Hanya 263.91 ekar sahaja yang belum dibayar gantiruginya dan jumlahnya ialah \$53,000.00.

Kawasan Mukah V mempunyai kawasan seluas 3,988.73 ekar, dan kesemua kawasan ini belum dibayar gantirugi. Jumlah wang yang diperlukan bagi maksud ini ialah \$707,000.00.

Kawasan yang terakhir, ialah Kawasan Ternakan Lembu, memerlukan wang sebanyak \$1,455 juta bagi membayar gantirugi kepada kawasan seluas 7,078.09 ekar.

Seperti yang diterangkan di atas, cuma dua kawasan sahaja yang belum dibayar gantiruginya, iaitu Mukah V dan Kawasan Ternakan Lembu. Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, pihak Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak sedang membuat pertimbangan dan pengkajian samada untuk membuka kawasan itu atau tidak. Pengkajian ini telah termasuk ke peringkat akhir dan dijangka akan siap tidak lama lagi.

**Tuan Latip bin Haji Dris:** Tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Tanah dan Kemajuan Wilayah bersetuju Kementerian yang bertanggungjawab ini tidak berikhtiar mencari begitu banyak wang untuk membayar pampasan kepada rakyat yang berkenaan?

**Dr. Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju bahawa Kementerian yang berkenaan ini tidak berikhtiar mencari wang untuk memberi pampasan kepada tuan-tuan tanah. Seperti yang telah dinyatakan tadi banyak wang yang telah ada disediakan tetapi hanya menunggu masa untuk dibayar gantirugi oleh kerana

kajian masih lagi dijalankan dan juga masalah gantirugi belum selesai.

**Tuan Latip bin Haji Dris:** Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan mengatakan bahawa ianya menunggu masa untuk dibayar. Bilakah masa untuk membayar baki wang yang patut dibayar itu?

**Dr. Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah sebutkan tadi apabila kajian sudah tamat dan masalah gantirugi sudah dapat diselesaikan, pembayaran akan dibuat.

### **PENGAKAP SEMPADAN (BORDER SCOUT)**

**15. Tuan Thomas Salang Siden** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada terdapat apa-apa rancangan untuk menambahkan kekuatan pegawai-pegawai Border Scout di Sarawak khasnya di kawasan RASCOM.

**Dato' Shariff Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kerajaan tidak ada rancangan untuk membesar atau menambah kekuatan yunit-yunit Pengakap Sempadan (Border Scout). Seimbang dengan keadaan keselamatan pada seluruh Negeri Sarawak masa ini, adalah dianggap kekuatan Pegawai-pegawai Pengakap Sempadan yang ada adalah mencukupi, khasnya di kawasan RASCOM. Sungguhpun begitu tindakan telah diambil untuk mengadakan latihan-latihan ulangkaji bagi Pegawai-pegawai Pengakap Sempadan supaya menambahkan pengetahuan selaras dengan taktik-taktik baru kominis dan untuk meninggikan lagi mutu perkhidmatan mereka. Sekiranya keadaan memerlukan, penambahan keanggotaan pegawai-pegawai maka ini akan dipertimbangkan kemudian kelak. Sementara itu arahan telahpun dikeluarkan supaya tugas Border Scout ini dikoordinatekan dengan tugas RELA skuad terutama sekali di rumah-rumah panjang. Dengan

cara tugas bersama ini maka kekuatan pertahanan di kawasan-kawasan pendalaman lebih kuat dan juga membolehkan rakyat melibatkan diri lebih-lebih lagi dalam soal keselamatan.

### BEKALAN LETRIK

**16. Tuan Hashim bin Ghazali** minta Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada beliau sedar didapati banyak projek-projek bekalan letrik yang telah diluluskan oleh Lembaga Letrik Negara terpaksa ditangguhkan beberapa lama kerana alatnya tidak cukup mengikut keperluan Lembaga Letrik Negara terutama bekalan tiang api letrik, jika sedar:—

- (a) apakah nama syarikat yang membekalkan tiang api letrik kepada Lembaga Letrik Negara;
- (b) berapa banyak keperluan tiang api letrik yang diminta oleh Lembaga Letrik Negara di dalam tahun 1977 dan daripada peruntukan tersebut berapa banyak yang telah diterima oleh Lembaga Letrik Negara; dan
- (c) adakah beliau bercadang hendak memberi peluang kepada syarikat-syarikat lain supaya keperluan tiang api letrik mencukupi mengikut keperluan projek-projek yang telah diluluskan.

**Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong):** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa masalah kekurangan tiang-tiang kayu adalah salah satu daripada faktor-faktor utama yang telah menyebabkan kelambatan pelaksanaan setengah-setengah projek Bekalan Letrik Luar Bandar di Semenanjung Malaysia.

Bagi menjawab pertanyaan-pertanyaan (a), (b) dan (c), saya ingin memaklumkan bahawa pada awal tahun 1977 kontrek bagi membekalkan tiang-tiang kayu bagi

seluruh Semenanjung Malaysia telah diberikan kepada Syarikat Tampin Sawmill & Co., Tampin. Kuantiti tiang-tiang kayu yang telah dipesan di dalam kontrek tersebut ialah sebanyak 30,190 batang bagi tiang-tiang berukuran 30 kaki panjang dan 39,130 batang bagi tiang-tiang berukuran 25 kaki panjang.

Walau bagaimanapun oleh kerana kilang tersebut telah ditutup apabila tuannya kilang meninggal dunia pada 30hb Mac, 1977 bekalan tiang-tiang telah terhenti. Sehingga tarikh tersebut jumlah tiang yang telah dibekalkan kepada L.L.N. ialah sebanyak 11,203 batang.

Berikutan dengan pemberhentian itu Lembaga Letrik Negara telah memanggil semula tawaran pada bulan April, 1977 dan seterusnya kontrek telah diberikan kepada syarikat-syarikat berikut:—

- (1) Syarikat Pajar Perak Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.
- (2) Maran Road Sawmill Sdn. Bhd., Kuala Lumpur (Kilang papan di Temerloh Pahang)
- (3) Chong Lim Sawmill, Muar.
- (4) Mah Fah Sawmill Sdn. Bhd., Seremban.

Di samping itu L.L.N. juga telah membuat pesanan kepada pembekal-pembekal secara kecil-kecilan untuk kuantiti yang mereka sanggup membekal. Setakat ini lima Syarikat telah bersetuju membekalkan tiang-tiang kayu yang dikehendaki oleh L.L.N. untuk keperluan projek-projek tempatan iaitu:—

- (1) Yoong Leok Kee Corporation Sdn. Bhd., Seremban.
- (2) Kayu Utama Sdn. Bhd., Johor Bahru.
- (3) Sum Hup Sdn. Bhd., Seremban.
- (4) Perkayuan Pahang Sdn. Bhd., Kuantan.
- (5) Chin Wah Sawmill, Kota Bharu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jumlah tiang-tiang kayu yang telah dipesan dari semua 9 syarikat-syarikat di atas ialah sebanyak 50,520 bagi tiang-tiang berukuran 30 kaki panjang dan sebanyak 66,200 bagi tiang-tiang berukuran 25 kaki panjang. Setakat ini bilangan yang telah dibekalkan ialah sebanyak 7,083 batang bagi tiang-tiang berukuran 30 kaki panjang dan 15,105 batang tiang-tiang berukuran 25 kaki panjang.

**Raja Nasron bin Raja Ishak:** Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menggambarkan keadaan daripada tahun 1977 sehingga sekarang. Berpegang kepada keadaan kekurangan tiang daripada masa sebelum tahun 1977 kerana adanya rancangan-rancangan yang telah diluluskan pada tahun 1975 sehingga hari ini pun belum dilaksanakan; saya minta agar dapat Yang Berhormat Menteri menerangkan dan memberi gambaran dalam Dewan ini keadaan sebelum tahun 1977.

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah rumit sedikit saya hendak menerangkan kepada Yang Berhormat, oleh itu saya berkehendakan notis. Walau bagaimanapun, saya cuba menjawab dengan ringkas. Saya mengaku pada awal daripada tahun 1977 pun memang sudah ada sedikit kelambatan tetapi tidaklah begitu teruk kerana projek-projek yang telah diluluskan sebelum itu adalah kurang sedikit daripada apa yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini. Walau bagaimanapun seperti yang saya katakan tadi tindakan-tindakan adalah sedang diambil untuk mengatasi masalah ini dengan membanyakkan lagi pembekal-pembekal dan selain daripada itu satu Jawatankuasa juga sudah ditubuhkan untuk mengkaji kemungkinan menggunakan lebih banyak lagi bangsa kayu yang kita boleh gunakan pada waktu ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat pada waktu ini kita hanya menggunakan tiga bangsa kayu sahaja iaitu kayu keras — kayu balau, kayu kempas dan

kayu keruing. Jadi, disebabkan pada waktu ini kekurangan kayu ini maka kita sedang mengkaji kemungkinan menggunakan lebih banyak bangsa kayu yang lain lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Lim Cho Hock.

*(Soalan No. 17. Y.B. Tuan Lim Cho Hock tidak hadir).*

## TANAH — PENEROKAAN SECARA HARAM

**18. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan samada beliau sedar bahawa penerokaan tanah masih berlaku di seluruh negara dengan cara menanam ubi kayu jika ya, nyatakan berapa ekar tanah yang demikian yang telah diambil balik oleh Kerajaan-kerajaan Negeri.

**Dato' Haji Embong bin Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, ya, saya sedar bahawa penerokaan tanah untuk tanaman ubi kayu masih berlaku di negara ini. Kebanyakan tanah-tanah yang ditanam dengan ubi kayu itu adalah tanah-tanah Kerajaan dan pengusahaannya adalah tanpa mendapat kebenaran pihak Kerajaan dan juga penerokaan secara ini dilakukan di kawasan-kawasan pendalaman dan oleh itu pengawasannya adalah sukar. Begitu juga sukar untuk menentukan keluasan tanah yang diterokai secara haram di seluruh negara. Cara mengatasinya ialah pihak Kerajaan merampas tanaman ubi kayu yang didapati ditanam secara haram di atas tanah-tanah Kerajaan itu dan tanaman-tanaman tersebut dilelong.

## PEMERIKSA KERTAS PEPERIKSAAN SRP/LCE

**19. Tuan Au How Cheong** (*di bawah S.O. 24*) (2) minta Menteri Pelajaran menyatakan samada benarkah bahawa guru-guru yang

telah menyertai tugas memberi markah dalam kertas-kertas Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran masih belum menerima elaun hingga pada 31hb Ogos, 1977, dan jika ya, nyatakan:

- (a) sebab-sebab mengapa dan kelewatan itu;
- (b) tindakan-tindakan diambil oleh Kementerianannya supaya menjamin bahawa kelewatan itu tidak berulang di masa depan.

**Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, adalah diakui bahawa sehingga 31hb Ogos 1977 masih terdapat sebilangan pemeriksa-pemeriksa kertas jawapan dan pengawas-pengawas pusat peperiksaan bagi Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran/LCE tahun 1976 yang belum menerima bayaran bagi kerja-kerja yang telah dikendalikan oleh mereka itu.

- (a) sebab-sebab berlakunya kelewatan pembayaran tersebut adalah seperti berikut:
  - (i) kekurangan peruntukan kewangan oleh kerana buat kali pertamanya pemeriksa-pemeriksa dan pengawas-pengawas tersebut dibenarkan membuat tuntutan perjalanan.
  - (ii) oleh kerana tuntutan perjalanan dibenarkan maka proses pembayaran memakan masa yang lebih panjang disebabkan tuntutan perjalanan tersebut perlu disemak dengan telitinya.
- (b) Kelewatan tersebut boleh diatasi pada masa hadapan dengan cara menentukan bahawa peruntukan kewangan bagi tujuan tersebut adalah mencukupi serta bilangan kakitangan yang bertugas untuk memproses pembayaran ditambah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Oh Keng Seng.

(Soalan No. 20 Y.B. Tuan Oh Keng Seng tidak hadir)

#### SEKIM JAMINAN KREDIT (CGC)

**21. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Haji Panglima Abdullah** bertanya kepada Menteri Kewangan berapa banyak wang yang telah diberikan pinjaman melalui CGC (Credit Guarantee Corporation) dalam 1977 ini bagi tiap-tiap negeri dan adakah Kerajaan sedar bahawa untuk mendapatkan pinjaman ini (pinjaman seperti \$5,000 hingga \$10,000) sangat susah dan adakah pinjaman yang sebegini, buat masa ini, dapat memperbaiki keadaan ekonomi bumiputra buat masa hadapan.

**Timbalan Menteri Kewangan (Puan Rafidah Aziz):** Tuan Yang di-Pertua, jumlah pinjaman yang telah diluluskan di bawah Sekim Jaminan Kredit dari 1hb Januari, 1977 hingga 31hb Ogos, 1977 adalah \$56.9 juta seperti berikut:—

NEGERI-NEGERI	JUMLAH (\$)	%	BILANGAN PEMINJAM	%
Selangor	14,684,014	26	1,014	16
Perak	6,583,650	12	589	10
Melaka	5,554,200	10	647	11
Johor	5,841,930	10	466	8
Pulau Pinang	4,608,150	8	928	15
Pahang	3,661,050	6	479	8
Sarawak	3,128,000	6	252	4
Kedah	2,951,200	5	637	11
Negri Sembilan	3,027,850	5	343	6
Kelantan	2,438,100 <sup>a</sup>	5	233	4
Sabah	2,394,100	4	224	4
Trengganu	1,317,300	2	157	2
Perlis	683,500	1	56	1
<b>JUMLAH</b>	<b>56,873,044</b>	<b>100</b>	<b>6,025</b>	<b>100</b>

Semenjak pelancaran Sekim ini pada bulan Januari, 1973 sehingga akhir bulan Ogos, 1977 51,407 peminjam telah diluluskan pinjaman berjumlah sebanyak \$448.2 juta di bawah sekim ini. Ini menunjukkan bahawa tidaklah berapa sukar untuk mendapatkan pinjaman-pinjaman di bawah sekim ini. Walau bagaimanapun, saya bersetuju bahawa kemuskilan

akan dihadapi oleh peminjam-peminjam sekiranya mereka tidak ada projek yang menguntungkan (viable) untuk dibiayai oleh bank-bank, ataupun maklumat yang diberi kepada bank berkenaan mengenai projek ini tidak lengkap.

Daripada jumlah bilangan pinjaman yang diluluskan tadi 34,536 ataupun 67% adalah kepada kaum bumiputra. Ini menunjukkan bahawa kemajuan telahpun dicapai di bawah sekim ini untuk memberi kemudahan-kemudahan kredit kepada peniaga-peniaga bumiputra. Saya juga ingin menegaskan bahawa sekim ini adalah bagi peminjam-peminjam kecil dari semua kaum dan bukan sahaja bagi kaum bumiputra.

### KELAS HSC DI KLUANG

**22. Tuan Lee Boon Peng** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah kelas-kelas HSC akan diadakan di Daerah Kluang.

**Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kementerian Pelajaran belum lagi mempunyai cadangan untuk membuka Kelas-kelas HSC di Kluang. Kelas-kelas HSC untuk pelajar-pelajar Negeri Johor termasuklah juga Kluang adalah mencukupi kerana pada masa ini Kelas-kelas HSC ada di enam buah Sekolah Menengah di Negeri Johor. Walau bagaimanapun, perkara ini akan dikaji dari masa ke semasa.

*(Jawapan bagi Pertanyaan No. 17 dan 20 adalah diberi di bawah ini).*

### KES SIVIL/JENAYAH DI MAHKAMAH

**17. Tuan Lim Cho Hock** minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa banyak lagi kes-kes di Mahkamah belum diselesaikan sekarang. Jika benar, apa tindakan beliau hendak mengambil untuk menyelesaikan keadaan ini.

**Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Onn):** Saya sedar bahawa terdapat banyak lagi kes-kes sivil dan jenayah yang masih belum diselesaikan oleh Mahkamah. Dengan bertambahnya bilangan penduduk dan bilangan orang ramai yang lebih sedar tentang hak-hak mereka, jumlah kes-kes yang didaftarkan semakin bertambah. Dengan menyedari keadaan ini maka langkah-langkah tegas telah dan akan diambil untuk mempercepatkan lagi penyelesaian kes-kes tersebut. Antara langkah-langkah ini termasuklah melantik lebih ramai Hakim-hakim dan menambah bilangan pegawai-pegawai dan kakitangan di Jabatan Kehakiman. Pesuruhjaya-pesuruhjaya kehakiman (Judicial Commissioners) juga akan dilantik di bawah Akta Perlembagaan (Pindaan), 1976. Selain daripada itu usaha-usaha sedang dijalankan untuk menyusun semula mahkamah-mahkamah rendah dan mengemaskinikan peraturan-peraturan mahkamah serta membina mahkamah-mahkamah baru yang dilengkapi dengan alat kelengkapan yang baru. Dalam hubungan ini sukalah saya menegaskan sekali lagi bahawa Kerajaan sentiasa memandang berat terhadap pentadbiran dan perjalanan keadilan dan akan mengambil segala langkah yang perlu untuk menyelesaikan kes-kes di mahkamah.

### CUKAI SAMPAH DI SERDANG BARU

**20. Tuan Oh Keng Seng** minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan samada beliau sedar Majlis Tempatan Serdang Baru mengenakan kadar dan cukai taksiran yang tinggi dan mengadakan cukai baru yang dipanggil 'cukai memungut sampah sarap' ke atas penduduk-penduduk Serdang Baru yang tidak mampu membayar cukai tersebut dan samada beliau akan menimbang untuk mengkaji balik struktur kadar cukai dan membawakannya ke satu kadar yang munasabah di mana penduduk-penduduk Kampung Baru tersebut akan mampu membayar cukai-cukai tersebut.

**Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad):** Kita sedar bahawa Majlis Daerah Petaling telah mengenakan cukai taksiran yang lebih tinggi dan cukai baru yang dinamakan cukai memungut sampah-sarap.

Ini adalah mustahak kerana bertambahnya kos-kos perkhidmatan yang mana menjadi semakin buruk dengan pelaksanaan Laporan-laporan Harun dan Gaji Kabinet.

Oleh kerana Yang Berhormat Menteri adalah sedar Penguasa-penguasa Tempatan telah menghadapi kesusahan kewangan bagi beberapa tahun, adalah tidak mungkin mengurangkan cukai-cukai setakat ini, sekiranya Majlis Daerah itu bagi menyambungkan fungsinya itu.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1978

DAN

### USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1978

#### Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1978 dan Anggaran Pembangunan, 1978 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (7hb Disember, 1977).

*Majlis Mesyuarat menjadi sebagai Jawatankuasa.*

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*  
*Jawatankuasa*)

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, hari ini ialah hari kesepuluh yang diuntukkan

bagi perbincangan dalam Jawatankuasa. Selain daripada Kementerian Pelajaran yang kita sedang bincangkan sekarang dalam Jawatankuasa, kita ada 13 lagi Kementerian yang kena diselesaikan dalam masa 6 hari, boleh jadi terpaksa Dewan ini akan bersidang jauh malam sedikit kalau sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap panjang sangat. Saya bercadang hendak putuskan Kementerian Pelajaran pada petang ini juga, dan saya bercadang hendak jemput Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran menjawab selewat-lewatnya jam 5.15 petang ini.

Waktu Dewan ditangguhkan petang semalam mengikut peringatan yang ada pada saya sekurang-kurangnya ada 11 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap lagi. Jadi, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat tolong pendekkan teguran-teguran dan saya hadkan tak lebih daripada 10 minit seseorang Ahli-ahli Yang Berhormat.

Sekarang saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Hilir Padas yang semalam telah bercakap lebih kurang 4 minit, menyambung ucapan beliau lebih kurang 6 minit lagi pada hari ini.

*Kepala B. 29 dan B. 30 (Jadual) —*

*Kepala P. 29 dan P. 30 (Anggaran Pembangunan, 1978) —*

*3.31 ptg.*

**Tuan Haji Mohd. Taufek bin O.K.K. Haji Asneh (Hilir Padas):** Tuan Pengerusi, Kementerian ini hendaklah mengadakan program supaya orang-orang di Sabah atau di mana-mana juga pun di Malaysia ini mengangap diri mereka sebagai orang Malaysia sahaja. Saya suka menegaskan di sini bahawa kemungkinan yang akan berlaku ialah ada di antara orang-orang Kristian di Sabah kebanyakannya masih mendewa-dewakan Bahasa Inggeris dan mereka ini sudah tentu ada kemungkinan akan berhubung rapat dengan orang-orang Kristian di Filipina. Ini adalah masalah berat yang saya maksudkan, cinta kepada tanah air ini sungguh tipis dan

mungkin tidak ada langsung dan mereka ini lebih mirip lagi kepada Filipina, Hongkong dan Singapura.

Tuan Pengerusi, nampaknya latihan Bahasa Malaysia ini tidak ada dalam program bagi Pusat Latihan Perkhidmatan Sandakan pada tahun 1978 malahan bilangan pelatih yang mengikuti latihan pada tahun ini ialah seramai 300 orang. Sepatutnya bilangan pelatih patut ditambah dan jangan dihentikan dengan secara begini.

Selain daripada itu, saya juga mengalu-alukan pihak Kementerian Pelajaran yang terus berusaha untuk memperbaiki kualiti guru-guru yang dilatih sesuai dengan objektif pendidikan di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian Kementerian ini kepada Pelajaran Ugama Islam dan pendidikan moral yang dijadikan perkara latihan penting di Maktab-maktab Perguruan. Pada pendapat saya peruntukan yang disediakan berhubung dengan perkara ini amat perlu ditambah lagi buat masa-masa yang akan datang terutamanya di Sabah oleh kerana sebagaimana saya katakan tadi bahawa Bahasa Malaysia bukanlah bahasa ibunda rakyat di Sabah, maka begitu juga keadaannya iaitu Islam belum lagi dikenali sedalam-dalamnya oleh sebilangan besar rakyat di Sabah. Kebanyakan mereka lebih dekat mengetahui tentang Ugama Kristian akibat dari pemerintahan yang begitu lama di bawah tangan penjajah dahulu. Di samping usaha-usaha pihak tertentu di Sabah untuk memperkenalkan Islam kepada rakyat bukan sahaja setakat mereka menganuti Islam malah mencintainya, apa yang penting ialah pihak Kementerian Pelajaran sendiri harus menumpukan sekuat-kuat tenaga yang ada untuk melatih bakal-bakal guru di bidang Ugama Islam agar mereka kelak akan mendidik anak-anak bangsanya mengenal dan menganut Islam dengan ertikata yang sebenar-benarnya. Maka dengan itu mereka atau rakyat di Sabah akan dengan sendirinya

taat dan mencintai tanah air dan bangsanya sendiri.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja satu-satu jalan yang saya nampak boleh menarik perhatian rakyat di Sabah khususnya supaya tidak menaruh dan mencurahkan taat setia mereka kepada mana-mana pihak selain dari negeri asal mereka sendiri.

Tuan Pengerusi, bagi mengisi kekosongan yang ujud sekarang saya merayu supaya pihak Kementerian Pelajaran menghantar seberapa banyak yang boleh guru-guru berkenaan di Sabah melanjutkan pelajaran mereka di bidang Ugama Islam. Saya sependapat dengan Ahli Yang Berhormat dari Tumpat supaya pelajaran Ugama Islam dijadikan salah satu matapelajaran yang wajib di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan pembinaan sekolah-sekolah menengah, izinkan saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri supaya memberi pertimbangan bagi pembinaan sekolah menengah Kerajaan Gadong Kota Klias dan Weston di kawasan saya dapatlah hendaknya dilaksanakan pada tahun 1978 ini atau selewat-lewatnya di dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Tuan Pengerusi, pada masa beberapa tahun yang lalu lebih kurang 1,000 orang murid sekolah menengah di tiga buah sekolah menengah ini hanya menumpang di bangunan-bangunan sekolah rendah di masa mereka belajar. Dari itu sekali lagi saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran supaya dapat memper-timbangkan perkara ini.

### 3.38 *ptg.*

**Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya (Maran):** Tuan Pengerusi, saya juga bangun untuk menyokong peruntukan Kementerian Pelajaran. Di sini saya suka memberi pandangan di bawah Kepala P. 29, muka surat 216 dan 217, di bawah Butiran (2), (8) dan (9). Saya suka menarik perhatian Kementerian Pelajaran akan masalah yang dihadapi oleh murid-murid di dalam Rancangan Jengka Tiga Segi.

Tuan Pengerusi, apabila saya mengemukakan masalah murid-murid di dalam Rancangan FELDA Jenka Tiga Segi, ini tidak bermakna maka saya cuba memperjuangkan hak mereka di dalam kawasan saya sedangkan banyak lagi kawasan di dalam negara ini yang patut mendapat perhatian yang segera daripada Kementerian Pelajaran. Juga apabila saya menyebutkan masalah Jenka Tiga Segi, ini bukanlah tujuan saya memperjuangkan hak-hak peneroka FELDA yang kepada masyarakat umum adalah terdiri daripada masyarakat yang telahpun maju dan sedangkan banyak lagi rakyat-rakyat di kampung yang belum lagi mencapai taraf hidup ataupun mendapat kemudahan-kemudahan yang telah diperolehi oleh peneroka-peneroka FELDA khususnya di dalam Rancangan Jenka Tiga Segi. Tetapi saya membawa perkara ini semata-mata dengan tujuan untuk mengingatkan kembali kepada pihak Kerajaan supaya bukan sahaja melaksanakan tetapi mengekalkan juga satu konsep iaitu konsep yang dianggap penting di dalam rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga iaitu Konsep Pembangunan Wilayah.

Di dalam kawasan Jenka Tiga Segi, Tuan Pengerusi, kebanyakan daripada kemudahan-kemudahan asas telahpun ada, tetapi dalam pada itu mereka ini masih menghadapi beberapa kekurangan terutamanya di dalam kemudahan-kemudahan pelajaran. Sekolah rendah boleh dikatakan ada di merata-rata rancangan. Setakat ini sahaja Sekolah Menengah telahpun ada sebanyak tiga buah iaitu di dalam rancangan FELDA Jenka II, FELDA Jenka VI dan juga FELDA Kampung Awah. Sekolah-sekolah Menengah ini bolehlah dipanggilkan sekolah pusat oleh kerana tugasnya ialah untuk menampung kehendak murid-murid yang telah lulus daripada Sekolah Rendah daripada rancangan-rancangan di sekitarnya. Jadi sesebuah Sekolah Menengah itu mungkin akan menampung kehendak-kehendak murid-murid daripada empat ataupun lima rancangan-rancangan FELDA di sekitarnya. Besarnya bangunan Sekolah-sekolah Menengah ini sangatlah sesuai dengan

kehendak setempat itu di waktu sekolah ini didirikan. Tetapi mungkin barangkali perkembangan penduduk FELDA mungkin di luar jangka pihak yang berkuasa maka setakat beberapa tahun kebelakangan ini nampaknya sekolah-sekolah ini telah bertambah sempit terutamanya di Sekolah Menengah di FELDA Jenka II. Sungguhpun kelas itu diadakan pagi dan petang tetapi dalam tahun 1978 ini barangkali Sekolah Menengah di Jenka II itu tidak lagi akan mencukupi bilik-bilik darjah. Saya mendengar khabar bahawa peruntukan telahpun diluluskan lima enam bulan yang sudah tetapi sehingga hari ini tidak ada lagi tanda-tanda menunjukkan bahawa kelas tambahan ini akan dibina. Saya harap Kementerian dapat mempercepatkan perkara ini.

Masalah kedua ialah masalah rumah guru. Pada keseluruhannya rumah guru di dalam kawasan Jenka Tiga Segi boleh dikatakan sangat-sangat berkurangan. Jadi, sebagaimana yang kita ketahui bahawa tidak ada rancangan FELDA yang berhampiran dengan bandar.

Ketiga, tidak ada rumah sewa di dalam rancangan-rancangan FELDA melainkan sesebuah kawasan wilayah itu telah diadakan kawasan perbandaran. Dalam Jenka Tiga Segi ini belum ada lagi kawasan perbandaran, tidak ada projek-projek perumahan maka rumah sewa tidak ada. Walaupun demikian, guru-guru ini bersedia menumpang di rumah peneroka. Ada menumpang di dalam setor-setor sekolah dan sebagainya. Namun demikian, rumah peneroka inipun boleh dikatakan tiada ada kosong. Jadi guru-guru ini terpaksa tinggal di bandar yang berhampiran sekali iaitu lebih kurang 20—30 batu jauhnya. Ini tentulah akan menjejaskan pekerjaan guru, menjejaskan pelajaran murid dan menjejaskan pelajaran pada keseluruhannya. Jadi saya berharap Kementerian ini mengambil perhatian yang berat di atas perkara ini.

Mengenai asrama keadaannya serupa. Oleh kerana pertambahan murid telah begitu pesat jadi asrama di Sekolah Jengka II itu terutamanya tidak lagi mencukupi. Jadi keadaan tempat tinggal murid-murid itu tidak boleh lagi hendak dikatakan sihat ataupun selesa. Keadaannya tinggal berlapis-lapis dan tidak mendatangkan perkara yang baik dari segi kesihatan.

Dan patutlah juga saya menarik perhatian Kementerian bahawa asrama di dalam rancangan FELDA adalah sangat penting terutama di dalam rancangan Jengka Tiga Segi kerana keadaan rancangan FELDA sangat-sangat berlainan dengan tempat-tempat lain. Jikalau tempat-tempat lain lima ataupun sepuluh batu itu dekat tetapi di dalam Rancangan FELDA lima ataupun sepuluh batu itu adalah sangat-sangat jauh. Jadi murid-murid yang berpusatkan kepada Sekolah Menengah ini datangnya daripada rancangan-rancangan sekitar yang jauhnya lima batu atau lebih. Yang menyebabkan jauh ialah oleh kerana di dalam Rancangan FELDA Perkhidmatan Pengangkutan Awam tidak ada. Ini disebabkan oleh dasar Kerajaan sendiri dalam masaalah pengangkutan. Jadi yang ada ialah Syarikat Pengangkutan Perbadanan Kemajuan Jengka dan oleh kerana syarikat ini adalah Syarikat Perbadanan dan mungkin perjalanannya tidak sebaik-baik yang boleh diadakan seperti syarikat-syarikat biasa, ini menimbulkan beberapa masaalah. Begitu juga jalan-jalan di dalam rancangan FELDA sekarang ini keadaannya adalah sangat buruk. Ini juga satu faktor yang tidak menggalakkan bas-bas ini masuk rancangan-rancangan FELDA itu untuk mengambil murid-murid ataupun penumpang-penumpang yang lain. Ini adalah masaalah yang dihadapi oleh murid-murid dan saya berharap Kementerian ini menumpukan sepenuh perhatian dalam masaalah ini.

Suka juga saya menegaskan, Tuan Pengerusi, mengapakah maka Kerajaan patut memandang berat terhadap perkembangan pelajaran di dalam rancangan FELDA.

Tadi saya telah menyebut tujuan saya bukanlah memperjuangkan kawasan ini kerana ianya termasuk di dalam kawasan saya, tetapi tujuan saya ialah minta Kerajaan mengekalkan Konsep Pembangunan Wilayah. Konsep Pembangunan Wilayah ini, merupakan satu perjanjian di antara Kerajaan dengan rakyat luar bandar yang miskin yang tidak berada khasnya orang-orang Melayu. Di mana Kerajaan telah berjanji kepada orang-orang yang miskin, orang-orang yang tidak berada, orang-orang Melayu ini supaya mereka yang miskin ini dikumpulkan di dalam satu kawasan yang membangun, iaitu di dalam satu kawasan wilayah di mana segala kemudahan akan diberi. Mereka akan diberi ladang, mereka diberi rumah, persekolahan yang cukup dan Kemudahan-kemudahan Sosial yang lain. Jadi jikalau Kerajaan tidak dapat membangunkan jenerasi Melayu yang pertama, melainkan setakat memberi 10 ekar tanah dan sebuah rumah inipun terpaksa dibayar balik jadi sekurang-kurangnya Kerajaan dapat menjalankan rancangan jangka panjang supaya jenerasi yang kedua dan ketiga ini mendapat pelajaran yang sempurna dan supaya peneroka yang ada ini mendapat pendapatan yang agak sederhana serta dapat menghantar anak-anak mereka ini ke sekolah yang tinggi sampai ke universiti.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat ada seminit sahaja lagi.

**Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya:** Jadi, di sini jugalah Kerajaan mengharapkan supaya lahirnya masyarakat Melayu yang mendapat pendapatan yang sederhana, yang berdisiplin dan daripada kalangan mereka jugalah Kerajaan mengharapkan akan lahirnya pemimpin Melayu dan intelektual Melayu pada masa yang akan datang. Inilah balasan budi Kerajaan kepada bumiputra khasnya yang telah bertungkus-lumus pada beberapa tahun dahulu untuk memperjuangkan kemerdekaan tanah air.

Saya rasa adalah tidak bijak jikalau pihak Kerajaan menumpukan di tempat yang lain

yang patut juga ditumpukan tetapi terlupa kepada kawasan yang telah membangun ini. Apa yang saya bimbangkan ialah yang dikejar tidak dapat yang dikendong berciciran.

Jadi, itulah tujuan saya membawa masaalah ini dan saya penuh harap supaya Kementerian ini dapat seperti yang saya katakan mengekalkan Konsep Pembangunan Wilayah ini dan mencapai kejayaan serta matlamat 100%.

*3.50 ptg.*

**Tuan Tan Cheng Bee (Bukit Mertajam):** Tuan Pengerusi, saya suka hendak menyentuh maksud Bekalan P. 29, Butiran (1) — Pelajaran Rendah.

Saya telah banyak kali berucap berkenaan dengan Sekolah Rendah Kampung-kampung Baru di Bukit Mertajam dan juga berkenaan dengan keadaan yang tidak memuaskan di sekolah-sekolah tersebut yang didirikan tanpa pelan yang teratur dalam masa darurat untuk menempatkan orang Cina yang bertaburan di kawasan yang pada masa itu dianggap sebagai kawasan merbahaya kepada keselamatan.

Walaupun sekolah-sekolah di kampung-kampung dan di luar-luar bandar telah dibina semula dan dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan moden, tetapi tidak ada apapun yang telah dibuat kepada Sekolah-sekolah Rendah di Kampung-kampung Baru Juru, Berapit dan Machang Bulu dan disepanjang Sekolah Rendah di Kampung Bukit Tengah dalam kawasan saya.

Keadaan di sekolah-sekolah ini terlalu buruk hingga didapati air hujan masuk ke bilik-bilik darjah dalam musim hujan hingga menyebabkan Pejabat Pelajaran Pulau Pinang terpaksa meminta JKR Pulau Pinang menampal bocor dibumbung sekolah untuk merentikan air hujan mencurah masuk ke bilik-bilik darjah.

Kerusi dan meja di Sekolah Rendah True Light, adalah di dalam keadaan yang buruk

dan dengan kerana itu apabila Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan melawat Juru tahun yang lalu beliau telah memberi sebanyak \$5,000 untuk memperbaiki kerusi dan meja tetapi malangnya wang itu belum sampai di tangan orang-rang di Juru. Oleh kerana peruntukan pembangunan pelajaran rendah tahun ini telah meningkat kepada \$52 juta, saya suka menggesa Yang Berhormat Menteri jangan beralih lagi dan meluluskan pembinaan sekolah di Juru, Berapit dan Machang Buboh.

Saya suka menyentuh Kepala Pembangunan P. 29, Butiran (2) — Pelajaran Menengah. Apabila saya bertanya tentang mengadakan Kelas-kelas Sains HSC di Sekolah Menengah Jit Sin Bukit Mertajam. Jawab yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran baru-baru ini bahawa HSC Science Class telah diadakan di Sekolah Menengah Province Wellesley.

Saya suka hendak merayu lagi kepada Yang Berhormat Menteri bahawa Sekolah Menengah Jit Sin telah didirikan dengan wang derma orang ramai yang dikumpul beberapa tahun lamanya.

Bangunan baru ini ada 6 makmal sains yang lengkap. Kesemuanya diderma oleh orang ramai dengan niat bahawa dengan Kemudahan Sains, saya harap Yang Berhormat Menteri Pelajaran dapat memberi pertimbangan untuk membenarkan Sekolah Menengah Jit Sin mengadakan sekurang-kurangnya 2 kelas Sains. Lembaga telah membuat permohonan selama 3 tahun yang lalu dan jawapan Yang Berhormat Menteri bukan sahaja menghampakan tetapi menjadikan seolah-olah Sekolah Jit Sin (Menengah) telah diprejudice.

Sekolah Menengah Jit Sin Jenis Kebangsaan di seluruh negeri tidak membuat banyak permohonan, permintaan dari Kementerian Pelajaran supaya diberi peruntukan capital grants atau educational expenditure jika dibandingkan dengan sekolah-sekolah lain-lain jenis dan dari segi pelajaran orang-orang

Cina selalunya memang murah hati memberi derma terhadap Tabung Bangunan Sekolah.

Oleh kerana itu saya berharap Yang Berhormat Menteri akan menimbangkan semula keputusannya dengan memberi sekurang-kurangnya satu atau dua kelas HSC kepada Sekolah Menengah Jit Sin Bukit Mertajam supaya Lembaga Sekolah dan orang ramai di Bukit Mertajam tidak menganggap semoga apa yang telah dilakukan itu tidak menjadi sia-sia sahaja.

3.54 ptg.

**Tuan Ariffin bin Haji Daud (Permatang Pauh):** Tuan Pengerusi, dalam membahaskan belanjawan yang dibuat oleh Kementerian ini, saya cuma ingin menyentuh di atas Kepala B. 29, Butiran 1100, Aktiviti (1) dan (3).

Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian ini kerana dipertanggungjawabkan dan dipertugaskan untuk menjalankan suatu tugas yang murni dan berat iaitu mendidik rakyat Malaysia melalui sistem pelajaran kebangsaan supaya membolehkan mereka menjadi warga-negara dan yang berpengetahuan, bertanggungjawab dan berkebolehan bagi mencapai taraf hidup yang lebih baik serta memenuhi kehendak-kehendak negara yang sedang membangun sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru. Inilah tugas yang begitu berat dan dengan adanya kebelakangan ini samada dalam Dewan yang mulia ini ataupun di luar Dewan melalui suratkhbar dan sebagainya suara-suara sumbang yang mengungkit-ungkit, yang membangkit-bangkitkan soal-soal dasar pelajaran kebangsaan. Dengan itu saya berdoa supaya Menteri yang berkenaan dan juga pegawai-pegawainya diberi kekuatan oleh Allah s.w.t., untuk menjalankan tugas mereka yang begitu berat.

Saya juga tertarik hati di atas Aktiviti (3) iaitu Pelajaran Rendah dan Menengah.

Mengikut Laporan Anggaran Belanjawan tugas rancangan Aktiviti ini ialah untuk

menentukan bahawa mutu pelajaran di Sekolah-sekolah Rendah dan Menengah mencapai taraf yang tinggi. Untuk mencapai tujuan ini maka berbagai-bagai kemudahan kelengkapan dan bantuan disediakan terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar. Inilah satu perkara yang saya ingin membangkitkan dalam Dewan yang mulia ini.

Pada tahun yang sudah perkara ini sudah dibangkitkan juga, lagi sekali saya bangkitkan tentang amalan yang dijalankan sekarang iaitu mendirikan Sekolah-sekolah Menengah di bandar-bandar besar, pada hal Sekolah-sekolah Rendah terdapat di kawasan-kawasan luar bandar. Dengan itu tidak mungkin yang penduduk-penduduk daripada kawasan-kawasan luar bandar selepas tamat pelajaran Sekolah Rendah apabila mereka dikehendaki ke Sekolah Menengah tidak mungkin mereka akan dapat pencapaian peperiksaan yang baik apabila mereka terpaksa membuang masa tiap-tiap hari dua atau tiga jam dalam perjalanan. Ini disebabkan apa yang disebutkan oleh sahabat saya dari Maran tadi jauhnya di antara tempat mereka tinggal dan tempat mereka belajar. Apabila disebut oleh sahabat saya dari Maran kita tidak terperanjat, kerana memang Negeri Pahang begitu besar, tetapi yang menjadi kemuskilannya dalam satu negeri yang begitu maju, masih lagi terdapat kawasan-kawasan Parlimen yang belum ada sebuah Sekolah Menengah pun, misalnya, kawasan Parlimen Permatang Pauh.

Saya bangkitkan perkara ini kerana saya nampak di belakang sana ada tiga empat orang pegawai-pegawai tinggi daripada Kementerian ini yang biasa bertugas di sana. Jadi saya harap perkara ini akan dapat dipertimbangkan oleh Menteri yang berkenaan supaya mendirikan Sekolah-sekolah Menengah di kawasan-kawasan luar bandar juga. Misalnya dalam kawasan saya belum ada Sekolah Menengah penuh, cuma setakat tingkatan III sahaja, jadi murid-murid ini terpaksa pergi ke Sekolah Menengah Tingkatan IV, V dan VI di Bukit Mertajam dan kadangkalanya apabila sekolah waktu pagi

mereka ini terpaksa pukul 5.00 pagi sudah keluar rumah kerana perjalanan daripada rumah ke tempat tunggu bas, daripada tempat tunggu bas naik bas ke stesyen bas, daripada stesyen bas terpaksa kena berjalan ke sekolah, sekurang-kurangnya 1½ jam pergi dan 1½ jam pulang. Inilah yang menjadi masalah. Saya harap Yang Berhormat Menteri Pelajaran akan menimbang sekali lagi untuk mendirikan, bukan banyak, saya ada dengar setengah-setengah tempat tiga empat Sekolah Menengah sudah ada dalam kawasan, dalam kawasan saya didirikan satu sahaja Sekolah Menengah penuh dan ini akan memberi kemudahan kenikmatan yang tidak terhingga kepada pelajar-pelajar luar bandar.

Saya juga dengar dalam Dewan yang mulia ini mengatakan keadaan sekolah-sekolah kampung baru begitu terbiar, begitu buruk dan begitu lama. Setahu saya kampung baru diwujudkan mungkin dalam tahun 1950 atau 1952 tetapi sekolah saya sendiri ketika saya mula masuk sekolah tahun 1946 sekolah itu sekarang masih ada. Oleh sebab itu, saya harap Menteri yang berkenaan berikhtiarlah supaya bangunan yang begitu usang, begitu lama, begitu antique dirobuhkan dan didirikan dengan sekolah yang baru.

Itulah sahaja sedikit-sebanyak, Tuan Pengerusi, dan lagi sekali saya menyokong dan berdoa kepada Menteri dan juga pegawainya supaya diberi Allah kekuatan untuk menjalankan tugas mereka dan diharap terutama sekali Menteri yang berkenaan tidak berganjak, tidak terpengaruh oleh suara-suara sumbang yang sentiasa didengar samada dalam Dewan ataupun di luar.

4.03 ptg.

**Tuan Edwin anak Tangkun (Batang Lupar):** Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong atas perkara-perkara yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Pelajaran dan di samping itu saya ingin menyentuh perkara yang pertama berkaitan

dengan Kepala P. 30, muka surat 226 Pelajaran Sarawak, wang yang diperuntukkan berjumlah \$64,088,000. Mengenai Butiran 1, wang yang diperuntukkan berjumlah \$20,000,000 untuk tahun 1978 dan mengikut ucapan beliau juga jumlah ini untuk melaksanakan pembinaan projek-projek Sekolah Rendah di seluruh bahagian di Negeri Sarawak.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, memandang di kawasan saya Batang Lupar yang mengandungi sejumlah 58 buah Sekolah Rendah dan 4 buah Sekolah Menengah Kerajaan dan sebuah Private Secondary School, walaupun jumlah yang begitu besar akan tetapi masih lagi kelas-kelas di kawasan itu tidak mencukupi. Pada pendapat saya, iaitu mengikut angka-angka yang tercatat di bawah anggaran Kementerian Kewangan adalah seperti berikut. Bilangan murid bagi tahun 1977, murid di Sekolah Rendah sebanyak 197,400 murid dan dalam tahun 1978 bilangan murid dijangka akan bertambah 204,100 murid. Ini berbanding dengan tahun 1977 bilangan murid sudah meningkat lebih 6,700 murid dalam tahun 1978.

Di bawah Butiran 2 — Sekolah-sekolah Menengah, wang yang diperuntukkan berjumlah \$32,821,000 dan bilangan murid dijangka akan bertambah 84,260 dalam tahun 1978 dan dibandingkan dengan tahun 1977 wang dibelanjakan berjumlah \$31,509,000 dan bilangan murid dalam tahun 1977 berjumlah 51,964 dan murid-murid dalam tahun 1978 sudah lebih meningkat 32,296. Oleh sebab murid-murid makin setahun makin bertambah, saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran supaya dapat mengambil perhatian yang berat dan menambahkan wang untuk menyasat di mana tempat yang amat betul-betul perlu ditubuhkan.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu oleh kerana banyak sekolah rendah di luar bandar di Sarawak dan ada juga di setengah-setengah sekolah hampir buruk dan dalam Butiran ini tidak ada wang yang diperuntukkan untuk membaiki Sekolah Rendah yang betul buruk atau menukarkan rumah sekolah yang sementara sahaja, saya harap Yang Berhormat Menteri Pelajaran agar dapat memberi pertimbangan dan menambahkan wang untuk membaiki di mana yang perlu.

Dengan izin, Tuan Pengerusi, satu contoh ada satu sekolah di kawasan saya di Paku, Batu Lintang, Simanggang, Sarawak. Sekolah itu hampir 13 atau 14 tahun kalau tidak salah ingatan, sekolah itu dibina dalam tahun 1964 dengan gotong-royong, sekolah itu juga untuk sementara sahaja. Sekarang bilangan murid sudah meningkat lebih 200 murid dan disediakan dengan 4 guru mengajar di sekolah itu. Sekolah itu juga disediakan dengan Darjah VI mulai dari tahun 1971. Sekarang rumah sementara itu hampir buruk dan begitu juga bangku-bangku di sekolah tersebut semua akan buruk. Saya harap Jabatan Pelajaran akan mengambil perhatian yang berat atas perkara ini.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu saya menyentuh Butiran 7 — Pinjaman kepada Badan Pengurus Sekolah. Negeri Sarawak diperuntukkan berjumlah \$50,000. Pinjaman ini terlampau kecil oleh kerana bagi diri saya, saya beberapa kali sudah menyampaikan perkara-perkara yang penting kepada Jabatan Pelajaran supaya Kerajaan dapat menambahkan Private Secondary School keseluruhannya. Saya berasa kesal kerana banyak kritik-kritik dan sungutan dari ibubapa-ibubapa oleh kerana banyak anak-anak mereka tidak terpilih memasuki ke Sekolah Menengah Kerajaan dan ibubapa itu dengan air mata menghadap kakitangan-kakitangan di Pejabat Pelajaran supaya anak-anak mereka dapat melanjutkan pelajarannya di kelas-kelas Sekolah Menengah. Di sini saya harap supaya Yang Berhormat Menteri Pelajaran dapat menambahkan peruntukan

wang yang dianggarkan dalam belanjawan bagi tahun 1978 supaya Private Secondary School di luar bandar dapat diperbesarkan untuk menerima murid-murid yang tidak terpilih memasuki ke Sekolah Menengah Kerajaan.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu ingin saya menyentuh Kepala P. 29, muka surat 217, Butiran 8 — Rumah-rumah Guru Luar Bandar. Wang yang diperuntukkan tahun 1977 berjumlah \$4,354,500 dan bagi tahun 1978 berjumlah \$4,282,900, ini berbanding dengan tahun yang lepas kurang sejumlah \$71,600. Saya dapati di kawasan luar bandar keadaan sekarang banyak guru-guru yang mengajar di luar bandar tidak mencukupi rumah dan ada setengah guru-guru tinggal di rumah yang hampir buruk. Bagi guru-guru yang mengajar di bandar terpaksa juga tinggal di rumah sewa bertahun-tahun. Pada pendapat saya guru-guru keseluruhannya tidak boleh dibiarkan tinggal di rumah yang buruk atau tinggal di rumah sewa melainkan Kerajaan yang bertanggungjawab untuk melaksanakan dan menyalurkan perkara-perkara yang penting di bidang pelajaran.

Tuan Pengerusi, semasa soal-jawab dalam Dewan yang mulia ini Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran mengatakan bahawa Kementeriannya akan bersedia dari masa ke masa menggalakkan dan menambah rumah guru-guru di mana yang perlu atau di mana yang terpencil. Pada pendapat saya bila saya melawat ke kawasan sekolah di luar bandar saya sendiri menengok masih banyak rumah guru-guru itu hampir buruk dan ini saya fikir mungkin Jabatan Pelajaran tidak mencukupi kakitangan atau tidak mencukupi wang yang diperuntukkan untuk perjalanan ke kawasan yang jauh. Di kawasan saya juga banyak sekolah-sekolah tidak ada jalanraya dan bila kakitangan dari Jabatan Pelajaran melawat ke sekolah yang tidak ada jalanraya mereka menggunakan long boat dan long boat itupun mengambil masa yang panjang, kadang-kadang sampai tiga hari baru sampai ke sekolah tersebut seperti hendak ke Hulu

Sekrang dan Ulu Seboyah di kawasan saya. Oleh yang demikian, saya harap kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran agar dapat memberi pertimbangan dan menambahkan wang perjalanan atau transportation di Jabatan Pelajaran Sarawak, khasnya di daerah Simanggang, Bahagian Kedua. Bagi sekolah-sekolah perjalanan mengambil masa dua atau tiga jam berjalan kaki dari jalanraya dan tidak dapat memasuki long boat ke sekolah tersebut.

Ingin saya memberi pandangan sedikit iaitu berkaitan dengan pertukaran guru-guru dari satu tempat ke satu tempat. Oleh kerana apa yang saya sebutkan di sini ada sekolah-sekolah menggunakan long boat dan ada juga mengambil masa dua atau tiga hari sampai ke sekolah dan ada juga sekolah mengambil masa dua atau tiga jam berjalan kaki baru sampai ke sekolah. Saya diberitahu oleh guru-guru kerana kadang-kadang guru-guru itu baru hingga setengah tahun mengajar di sekolah itu, kemudian guru itu terpaksa bertukar ke sekolah lain dan saya ambil perhatian, betul atau tidak, akan tetapi perkara seperti itu ada berlaku di kawasan sekolah luar bandar. Oleh yang demikian, saya fikir Kementerian Pelajaran patutlah memikirkan supaya dapat mengadakan satu undang-undang pertukaran guru-guru dan boleh menetapkan guru-guru itu mengajar tiga atau empat tahun di satu-satu sekolah di luar bandar.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat ada satu minit lagi.

**Tuan Edwin anak Tangkun:** Kemahuan ini memanglah saya dapati dari guru-guru yang mengajar di luar bandar supaya mereka tidak bersusah-payah beralih-alih dari satu tempat ke satu tempat dan saya harap kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran akan dapat mengambil perhatian yang berat di atas perkara ini.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap berkaitan dengan kakitangan di Jabatan Pelajaran untuk mengadakan Techni-

cal Assistant di Jabatan tersebut. Dalam Anggaran Belanjawan tahun 1978 tidak ada peruntukan disediakan, akan tetapi saya dapati Jabatan Pelajaran seperti di daerah Batang Lupar, Simanggang perlukan Technical Assistant di daerah tersebut, oleh kerana dalam beberapa tahun yang lepas Jabatan Pelajaran perlu mengambil Technical Assistant dari Jabatan Kerjaraya dan kadang-kadang dari Jabatan Tempatan dan bila Jabatan Pelajaran itu menggunakan Technical Assistant, Jabatan itu mestilah kena menulis surat kepada Ketua Jabatan Kerjaraya atau kepada Setiausaha Kerajaan Tempatan. Ini juga satu perkara yang patut diambil perhatian oleh Kementerian Pelajaran, jika dianggap perlu, oleh kerana bila Kerajaan ada kesilapan penjagaan atau mengatur hal-hal bagi membaiki sekolah-sekolah yang buruk atau membaiki rumah-rumah guru di luar bandar, Kerajaan memanglah ada membuat satu perjanjian dengan kontraktor-kontraktor berkenaan dan bila perjanjian sudah disign di antara Jabatan Pelajaran dengan kontraktor, kontraktor itu mencari jalan lain dan membeli material yang murah. Misalnya, Kerajaan perlu papan nombor satu, kemudian kontraktor itu membeli papan yang murah sekali, yang nombor tiga atau nombor empat. Perkara seperti ini selalu berlaku di kawasan saya. Kita tengok rumah itu bila sudah dibina memanglah cantik, bila sampai tiga atau empat tahun baru kita dapat tahu apa kerugian kita.

**Tuan Pengerusi:** Masa sudah cukup.

**Tuan Edwin anak Tangkun:** Ada sedikit sahaja lagi, Tuan Pengerusi. Oleh kerana ucapan saya ini agak penting di bidang pelajaran, saya harap sekali lagi Yang Berhormat Menteri Pelajaran mestilah mengambil berat di atas ucapan saya.

4.15 ptg.

**Datuk Haji Shafie bin Abdullah (Baling):** Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan yang dipohon untuk penyelenggaraan bagi Kementerian Pelajaran sebagaimana yang

dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran semalam.

Di bawah Kepala, B. 29 Butiran 1100, Aktiviti (6), Butiran 1200, Aktiviti (6) juga dan Butiran 1300, Aktiviti (6) Kebajikan Penuntut-penuntut di luar negeri. Saya mengaitkan dengan ringkas usul yang dibawa oleh Wakil Seremban semalam di dalam kandungan ucapan beliau ada kena-mengena berkenaan dengan tajuk-tajuk yang saya sebutkan sebentar dan saya kira walaupun jawapan Yang Berhormat Menteri Pelajaran semalam sudah cukup dan penuh untuk menolak sebarang dakwaan beliau itu, tetapi ingin juga saya katakan dalam Dewan ini iaitu hasrat dan cita-cita serta dasat Kementerian Pelajaran adalah secukupnya dan selaras dan mencerminkan aspirasi ibubapa dan rakyat sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri. Sebaliknya, usul yang dibuat dan ditolak semalam itu adalah tidak secukupnya dengan aspirasi rakyat negara ini. Berbanding dengan sebilangan kecil anak-anak Menteri kononnya dikirim ke luar negeri untuk melanjutkan pelajaran rendah dan tinggi hari ini bilangan berganda banyaknya daripada anak-anak kawasan luar bandar yang telah dapat peluang melanjutkan pelajaran ke luar negeri tetapi bila dicampur bilangan anak-anak Menteri dengan anak-anak di luar bandar samada bumiputra ataupun lain kaum tidak juga sama bilangan dengan anak-anak taukeh-taukeh yang kaya-raya yang telah silih berganti sejak dahulu kala hingga sekarang yang tidak diketahui angka bilangan itu. Jadi apakah sebabnya perkara ini selalu dibangkit-bangkitkan di dalam dan di luar Dewan ini yang sengaja hendak menghiris perasaan bumiputra yang ingin hendak mencapai kemajuan dalam bidang ini.

Langkah Kerajaan tegasnya Kementerian menyediakan peruntukan yang tinggi setiap tahun adalah sesuai dengan dasar Barisan Nasional yang ingin hendak mengembangkan Bahasa Malaysia dan di samping itu mengekalkan pelajaran Bahasa Inggeris supaya

dapat rakyat Melayu di masa hadapan dilengkapi dengan berbagai-bagai pengetahuan selaras dengan ertikata rakyat dalam sebuah negara yang merdeka dan berjiwa besar. Scholarship, bantuan-bantuan pelajaran, kemudahan-kemudahan yang dihulurkan menerusi peruntukan ini dan juga lain-lain sumber yang digalakkan oleh Kerajaan adalah menandakan atau melambangkan perpaduan rakyat berbilang bangsa yang kukuh.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bercakap di bawah Kepala mana? Ada dua tiga tajuk.

**Datuk Haji Shafie bin Abdullah:** Di bawah Kepala B. 29, Butiran 1100, Aktiviti (6), Butiran 1200, Aktiviti (6) dan juga Butiran 1300, Aktiviti (6).

**Tuan Pengerusi:** Betul, banyak sekali dirangkumkan.

**Datuk Haji Shafie bin Abdullah:** Scholarship atau bantuan-bantuan saya katakan sekali lagi kemudahan-kemudahan yang dihulurkan menerusi peruntukan ini dan juga daripada lain-lain sumber digalakkan oleh Kerajaan adalah menanda dan melambangkan perpaduan rakyat berbilang kaum yang kukuh.

Perkataan-perkataan menidakkan segala usaha Kerajaan selama ini adalah satu cara hendak memusnahkan harapan hendak menyatupadukan seluruh rakyat menerusi dasar pelajaran sekarang. Kalau Dewan ini di masa yang lalu telah meluluskan dasar hendak menolong bumiputra dalam lapangan perusahaan dan perdagangan umpamanya, apakah salahnya kalau peruntukan digandakan untuk memberi peluang kepada anak-anak di luar bandar atau bumiputra memasuki pintu-pintu universiti, kolej-kolej atau sekolah-sekolah menengah dan begitu juga menambahkan bilangan di dalam pelajaran jurusan sains dan teknologi. Tanpa pelajaran dan pengetahuan yang luas, bumiputra akan sentiasa tertinggal mundur di belakang. Kepada saya peruntukan secara langsung

umpamanya kepada Universiti Kebangsaan sebanyak \$49 juta, kepada Universiti Teknologi Malaysia sebanyak \$25 juta, kepada Institut Teknologi MARA sebanyak \$23,568,000 adalah satu angka yang sedikit bila dinilai dengan aspirasi rakyat yang menyokong Barisan Nasional untuk mendapatkan banyak perubahan dibuat untuk meningkat darjah pelajaran yang patut diberi kepada bumiputra dan lain-lain kaum yang sayang dan cinta kepada negara ini. Menentang peruntukan ini umpamanya membentangi usul memotong gaji Menteri dan sebagainya seperti yang dibuat semalam adalah satu daripada ciri-ciri hendak menekan, melemahkan dan menidak sama sekali aspirasi bumiputra dan ini adalah juga percubaan hendak membuka satu jalan membawa kepada kehancuran perpaduan rakyat.

**Tuan Pengerusi:** Ini tak payah sentuh lagi, semalam sudah diputuskan.

**Datuk Haji Shafie bin Abdullah:** Keseluruhan kepada peruntukan yang di bawah B. 29 ini adalah berlawanan dengan hasrat wakil-wakil tersebut. Kerana dasar pelajaran Barisan Nasional dan peruntukan-peruntukan yang dibuat dengan jumlah yang banyak itulah yang telah melahirkan banyak bilangan profesor bumiputra yang menjadi pakar dalam bidang pelajaran, ekonomi dan lain-lain. Saya tegaskan di sini dan Dewan yang mulia ini bahawa bilangan tersebut tidak mencukupi kehendak dan kemahuan rakyat dalam negara ini. Di bawah Kepala tersebut juga iaitu Pentadbiran Am serta Latihan Guru, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan pemilihan guru-guru besar dan juga guru-guru penolong di dalam Sekolah-sekolah Menengah dan Rendah. Kementerian harus mengawasi dengan lebih rapi setiap jawatan guru besar diisikan dengan pemilihan yang adil berlandaskan kepada beberapa perkara, umpamanya:

- (1) Tinggi pengetahuan pelajaran calon.
- (2) Latar belakang cemerlang calon.

(3) Dedikasi dan kemahuan calon.

(4) Suasana dan keadaan tempat sesuai dengan rupa peragai calon tersebut.

Pernah berlaku di sebuah Sekolah Menengah dalam kawasan saya, seorang guru penolong telah dipilih untuk menjadi guru besar tetapi walaupun ditentang oleh pihak yang patut memberi nasihat, calon itu disuruh juga berkhidmat ke sekolah itu. Orang kampung atau ibubapa bersungut, bemesyuarat mengambil keputusan menghantar rayuan, calon ini terus juga disokong oleh pihak yang berkuasa pelajaran. Apa jadi? Bukan sahaja perpecahan berlaku di antara guru dengan guru, ibubapa dengan guru, tetapi segala penyusunan dan pengurusan dalam sekolah itu telah menjadi kucar-kacir, wang sekolah lingkup beribu ringgit dan biasiswa kepada anak-anak tidak dibayar. Itulah suatu contoh yang patut diambil ingatan oleh Kementerian yang selalu memekakkan telinga kepada sebarang keputusan nasihat yang diberikan oleh persatuan-persatuan ibubapa ataupun mereka yang bertanggungjawab di atas pelajaran anak-anak di sekolah. Pernah pula berlaku iaitu Kementerian mengambil masa yang terlalu lama untuk menentukan siapa yang patut dilantik menjadi guru besar. Kadangkala memakan masa bertahun-tahun dan itupun setelah diadakan kepada pengetahuan Yang Berhormat Menteri, maka perkara itu dilaksanakan. Apakah Kementerian Pelajaran kurang ataupun tidak cukup kakitangan atau Kementerian hanya memberi perhatian kepada sekolah-sekolah di bawah hidung mereka sahaja ataupun memandang bahawa teguran-teguran yang dibuat untuk memperbaiki keadaan dalam bidang pelajaran ini sebagai bodoh ataupun tidak layak diambil pusing. Dengan peruntukan yang berjumlah lebih dari \$1,700 juta ini saya pasti Kementerian ini akan dapat membuktikan dengan kesungguhan hati dan perasaan hendak membangunkan rakyat dan negara ini menerusi bidang pelajaran.

Di bawah tajuk Latihan Guru juga saya cuba membawa satu perkara yang sehingga

sekarang ini masih belum dapat diselesaikan di dalam Kementerian. Walaupun saya sedar di dalam Kementerian dan kepada Menteri Pelajaran sendiri bermacam-macam masaalah berkenaan dengan pelajaran dan guru kena difikirkan tetapi sejak dahulu sehingga sekarang masih kedengaran laungan dan suara-suara kuat dan kadang-kadang saya daripada segala kesatuan-kesatuan guru, persatuan-persatuan ibubapa, badan-badan politik tentang pengedaran guru ataupun rotation of teachers dan penempatan mereka di sekolah-sekolah di antara luar bandar dan dalam bandar. Cara rotation ini jika diamalkan betul-betul tepat dengan dasar yang tegas adalah suatu langkah yang boleh mengurangkan dasar tidak puas hati ataupun rasa keciwa di kalangan guru-guru. Ada guru-guru ditukarkan ke hujung negeri waktu permulaan bertugas atau keluar dari maktab atau universiti ataupun pusat pelajaran dengan semangat yang membumbung tinggi, lama-kelamaan guru-guru seumpama itu bertugas menjadi lemah semangat, kurang perhatian. Berbagai kelemahan berlaku menyebabkan tumpuan perhatian tidak sepenuhnya diberikan kepada pendidikan anak-anak. Biasanya guru-guru yang ditempatkan dalam bandar akan membuat berbagai protes ataupun helah kalau sudah arahan diberikan oleh Kementerian untuk mereka bertukar ke luar bandar. Pertukaran dua hala ini hendaklah dijalankan oleh Kementerian dengan sikap yang adil, jujur dan tegas bukan teragak-agak ataupun melatah. Selagi perkara ini tidak diselesaikan selama itu guru-guru di hujung negeri akan bertambah beku fikirannya dan guru-guru dalam bandar ini akan mendapat berbagai kemudahan dan cepat naik pangkat. Apakah ini suatu keadilan ataupun langkah yang bijak?

4.25 ptg.

**Tuan Au How Cheong (Telok Anson):** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong anggaran belanjawan untuk Kementerian ini dan saya ingin bercakap di bawah muka surat 216 Butiran (1) Pelajaran Rendah, B. 29 muka

surat 211 Aktiviti 1100 (5) Pelajaran Menengah Atas/Tinggi dan muka surat 217 Butiran 17 Pusat Perkembangan Kurikulum.

Saya ingin mengatakan pengajaran Bahasa Malaysia dalam sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan khususnya di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina adalah tidak begitu memuaskan. Kedudukan ini telah dicerminkan dalam keputusan peperiksaan pelajar-pelajar di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan masing-masing. Saya harap lebih guru-guru yang berkelayakan untuk mengajar Bahasa Malaysia akan dihantarkan ke Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan. Guru-guru yang masih belum layak patut diberi latihan sesuai supaya mutu Bahasa Malaysia di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan dapat diperbaiki dan dipertingkatkan lagi dan pengajaran yang lebih berquality dan berkesan atas bahasa itu dapat diberikan.

Saya ingin menyentuh juga tentang kurikulum Bahasa Tionghua di Sekolah-sekolah Rendah dan Sekolah-sekolah Menengah Jenis Kebangsaan di mana Bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa pengantar. Pengajaran Bahasa Tionghua di Sekolah Rendah dan Menengah Jenis Kebangsaan Inggeris adalah tidak memuaskan juga. Saya membincangkan subjek ini semata-mata dari segi teknikal dan akademik sahaja dan tidak bertujuan lain. Masaalah yang dihadapi oleh Sekolah-sekolah Menengah Jenis Kebangsaan tidak dihadkan atas kekurangan atau ketiadaan guru bahasa sahaja. Di Sekolah-sekolah Menengah Jenis Kebangsaan yang mempunyai guru-guru bahasa pengajarannya pun tidak memuaskan. Adalah menjadi suatu hakikat bahawa pada keseluruhannya hanya murid-murid Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan yang telah menerima pendidikan rendah mereka di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dapat mengambil Bahasa Tionghua sebagai matapelajaran dan boleh lulus bahasa itu dalam peperiksaan SRP atau SPM. Sebaliknya, mereka yang mengikuti pelajaran rendah di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Inggeris tidak berani mengambil

kertas Bahasa Tionghua sebagai mata-pelajaran kerana mereka belum mencapai taraf kefasihan bahasa itu yang perlu untuk lulus dalam peperiksaan subjek Bahasa Tionghua itu baik di peringkat LCE mahupun di peringkat MCE. Ini adalah kerana syllabus atau kurikulum Bahasa Tionghua dalam dua jenis sekolah itu adalah berlainan.

Di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Inggeris pengajaran Bahasa Tionghua dimulakan pada tahun ketiga, di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina pengajaran bahasa itu dimulakan pada tahun pertama. Ini bukan perbezaan yang tunggal, buku-buku yang digunakan, bilangan perkataan yang dikuasai dan masa mempelajari bahasa itu juga tidak serupa. Bolehlah dikatakan buku-buku dan lain-lain yang disediakan dalam Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Inggeris adalah lebih mudah. Pengajaran Bahasa Tionghua adalah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Higher Chinese dan Lower Chinese.

Adalah benar juga buku-buku Sekolah Menengah telah diberikan tetapi buku-buku yang benar-benar digunakan dalam pengajaran bahasa itu ialah buku-buku Sekolah Rendah sahaja, tetapi perbezaan yang lebih penting ialah murid-murid yang mengikuti kurikulum Bahasa Tionghua di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Inggeris kemudian menyambung pelajarannya di Sekolah-sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Inggeris tidak boleh menguasai Bahasa Tionghua atau tidak boleh mencapai suatu paras kefasihan untuk lulus dalam kertas matapelajaran Bahasa Tionghua dalam peperiksaan LCE atau MCE. Oleh yang demikian saya merayu kepada Kementerian ini supaya mengkaji semula cara mengajar kurikulum, syllabus dan lain-lain atas Bahasa Tionghua itu di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Inggeris. Kurikulum dan lain-lain patut disusun semula supaya pelajar-pelajar di Sekolah-sekolah Menengah Jenis Kebangsaan yang hendak mengambil Bahasa Tionghua sebagai satu matapelajaran boleh

juga mencapai kejayaan dalam peperiksaan Kerajaan.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyeru kepada Kerajaan menimbangkan supaya Taman Didikan Kanak-kanak atau Tadika atau Kindergarten dijadikan pendidikan rasmi terawal (the earliest official form of education) dalam sistem pelajaran kita. Buat sementara ini kebanyakan kelas Tadika di negara kita adalah dijalankan oleh pihak swasta sebagai commercial enterprise berdasarkan atas keuntungan. Saya mencadangkan pendidikan kanak-kanak berumur 7 tahun dan ke bawah diadakan dengan rasminya dan kelas-kelas itu dilengkapi dengan kemudahan sempurna dan guru-guru yang terlatih.

Menurut penyelidikan pakar-pakar penyelidikan antarabangsa kanak-kanak yang berumur antara 3 dan 5 tahun adalah di satu peringkat yang paling penting bagi perkembangan inteletnya (at the crucial stage of intellectual development). Penyelidikan-penyelidikan itu menunjukkan bahawa setengah daripada ke semua perkembangan intelektual manusia (or half of all growth in human intelligence) berlaku di antara masa kelahiran dan umur 4 tahun dan 30% yang lain berlaku antara umur 4 tahun dan 8 tahun. Jadi adalah jelas bahawa dua pertiga daripada perkembangan intelektual berlaku sebelum seseorang memulakan pendidikan rasminya. Penyelidikan-penyelidikan itu juga menyatakan bahawa kanak-kanak dari keluarga miskin kebanyakannya kekurangan dorongan intelektual (lack of intellectual stimulus). Akibatnya mereka telah disifatkan terlebih dahulu (preordained) menjadi kurang maju bagi sekolah mahupun dalam kehidupan dewasa.

Sumber-sumber manusia kita adalah salah satu asset negara yang paling penting dan besar memandangkan betapa pentingnya bagi menggalakkan perkembangan intelektual seseorang daripada muda lagi (from a very tender age). Saya merayu kepada Kerajaan untuk menimbangkan supaya kelas Tadika

dijadikan sebahagian daripada sistem pelajaran rasmi di tanah air kita. Selain daripada kelas-kelas Tadika yang dijalankan oleh pihak swasta kita ada juga sekolah-sekolah menengah persendirian.

Dalam hubungan ini bolehkah Dewan ini mendapat tahu samada Kerajaan akan memberi kebenaran atau tidak kepada pihak swasta untuk menubuhkan universiti bersendirian. Usaha-usaha seperti ini adalah dijalankan oleh pihak swasta dari masa ke semasa. Apakah pendirian Kerajaan terhadap perkara ini?

4.35 ptg.

**Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (Bachok):** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk membahaskan Maksud Bekalan dan Pembangunan 29 — Kementerian Pelajaran yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran hari Selasa 6hb Disember, 1977.

Tuan Pengerusi, yang pertamanya saya suka menyentuh Aktiviti 4, Butiran 1100 dan 1300. Sebagaimana dimaklum bahawa mengikut kehendak Akta Pelajaran tahun 1961 Lembaga Peperiksaan adalah bertanggungjawab di atas pengurusan peperiksaan samada peperiksaan tempatan ataupun peperiksaan luar yang dianjurkan oleh pihak-pihak Badan-badan Peperiksaan Luar Negeri. Kita semua mengetahui bahawa Lembaga Peperiksaan telahpun mengambil sebahagian besar tugas-tugas pentadbiran peperiksaan daripada pihak Universiti Cambridge.

Pada hari Selasa yang lalu kita semua bergembira mendengar daripada Yang Berhormat Menteri Pelajaran beberapa pembaharuan di bidang pelajaran akan dimulakan pada tahun hadapan. Antaranya ialah bagi kali yang pertamanya pelajar-pelajar Tingkatan III tidak lagi akan mengambil dua jenis peperiksaan, tetapi ke semuanya akan diuji dalam Bahasa Malaysia untuk mendapat Sijil Rendah Pelajaran (SRP) tidak ada lagi

peperiksaan LCE dalam aliran Inggeris. Dan bagi kali pertama juga di dalam sejarah pendidikan negara kita Kementerian Pelajaran akan mengambil tanggungjawab sepenuhnya mengadakan peperiksaan-peperiksaan MCE dan SPM yang dahulunya diuruskan bersama oleh Lembaga Peperiksaan Cambridge.

Tuan Pengerusi, mulai tahun hadapan ini saya mengharap pihak Lembaga Peperiksaan akan dapat menjalankan tugas-tugas pentadbirannya dan tanggungjawab dengan licin. Pengalaman-pengalaman yang mendalam yang dialami oleh Lembaga selama ini akan dapat menolong membantu para pegawai dan kakitangan Lembaga dengan sebaik-baiknya. Di dalam proses pengambilan alih inilah masa dan saat yang sesuai bagi Lembaga mengkaji segala kelemahan-kelemahan dan kesilapan yang sudah-sudah dan menyusun semula pegawai-pegawai dan kakitangan Lembaga dengan tujuan supaya terhindar segala kesulitan dan masalah-masalah yang mungkin timbul dan ditimbulkan pada masa akan datang.

Tuan Pengerusi, pada masa-masa yang lalu banyak masalah-masalah dan kejadian-kejadian yang tidak diinginkan sudah berlaku. Ini termasuklah kebocoran kertas-kertas peperiksaan di sana sini. Kebocoran soalan-soalan peperiksaan ini menimbulkan berbagai masalah. Demikian juga terjemahan kertas peperiksaan Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris yang salah dan mengelirukan dan banyak lagi masalah-masalah yang lain. Kita sedar bahawa Lembaga terpaksa menghadapi masalah-masalah seperti itu kerana ia ditugas menyelenggarakan berpuluh-puluh jenis peperiksaan dan kesilapan seperti itu haruslah berlaku. Mungkin juga masalah yang tersebut itu timbul kerana pengurusan peperiksaan diselenggarakan bersama oleh Universiti Cambridge.

Tuan Pengerusi, pada tahun ini setahu saya beratus-ratus calon telah keciwa kerana tidak sempat menjawab Kertas Pengetahuan Ugama

Islam. Ini disebabkan oleh kesilapan teknik. Jadual waktu peperiksaan MCE/SPM mengenai Pengetahuan Ugama Islam boleh difahamkan berbagai-bagai. Sebab itulah sebahagian daripada calon-calon yang mengambil peperiksaan Pengetahuan Ugama Islam mula tiba di pusat-pusat dan di bilik-bilik peperiksaan kira-kira 1½ jam kemudian daripada masa yang sebenarnya atau kira-kira 1½ jam setelah rakan-rakannya menjawab kertas soalan tersebut. Sebenarnya jika diperhatikan betul-betul dalam Jadual Waktu Peperiksaan itu oleh calon-calon peperiksaan yang malang itu atau oleh guru-guru atau setengah guru-guru besar yang berkenaan dan disalin semula jadual itu oleh sekolah-sekolah yang berkenaan maka kesilapan dan kekecewaan itu tidak akan berlaku. Tetapi harus kita berfikir bahawa kecekapan dan kecerdasan calon-calon peperiksaan tidak sama, demikian juga barangkali perhatian setengah guru-guru juga tidak sama. Saya tidak bermaksud membela setengah-setengah guru.

Tuan Pengerusi, apa yang patut saya tekankan di sini ialah mengapa dan kenapa matapelajaran Pengetahuan Ugama Islam sahaja menjadi masalah kekeliruan, tidak matapelajaran ugama yang lain. Adakah matapelajaran Ugama Islam diletakkan di bawah sekali daripada matapelajaran ugama-ugama yang lain dalam senarai jadual? Mengikut saikoloji, letaknya matapelajaran Ugama Islam di tempat yang tidak sepatutnya di dalam Jadual Waktu dan di tempat yang mengelirukan adalah boleh ditafsirkan berbagai-bagai.

Tuan Pengerusi, saya tidak mahu mengkhususkan kesilapan ini kepada siapa dan ke pihak mana dan mungkin apa yang berlaku itu tidak disengajakan dan kemungkinan tidak terfikir implikasi dan akibatnya agak berat seperti ini dan saya juga tidak hendak mencadangkan bagaimana calon-calon yang keciwa itu patut diatasi kerana ini adalah tugas Lembaga dan Kementerian Pelajaran. Saya penuh yakin bahawa Kementerian

Pelajaran akan dapat menyelesaikan masalah ini. Walaupun setengah orang memikirkan ini adalah satu perkara yang tidak patut dibesarkan, tetapi saya berpendapat bahawa masalah ini selain daripada mengecewakan harapan penuntut-penuntut yang terlibat ia juga sedikit-sebanyak menjejaskan nama baik Kementerian Pelajaran.

Tuan Pengerusi, sehubungan dengan ini saya mencadangkan kepada Lembaga Peperiksaan supaya mengkaji semula senarai nama-nama Pemeriksa Kertas Jawapan Peperiksaan dan ditambah lagi bilangan Pemeriksa-pemeriksa Kertas Jawapan yang berkelayakan dan berkebolehan yang tertinggal daripada senarai-senarai yang lama. Membanyakkan bilangan Pemeriksa Kertas Jawapan, bererti mengurangkan beban, dan mengurangkan bilangan kertas peperiksaan pada setiap pemeriksa dan langkah ini akan menimbulkan ketenangan dan menambahkan lagi kerja cermat dan adil yang dilakukan oleh setiap pemeriksa. Jika perlu setengah-setengah Ketua Pemeriksa harus juga ditukarkan. Seseorang Ketua yang mahir dalam dua matapelajaran iaitu Ilmu Hisab dan Bahasa Inggeris umpamanya; sedangkan selama lebih daripada 5 tahun dia menjadi Ketua Pemeriksa Kertas Ilmu Hisab maka bolehlah diberi tugas mengetuai kertas Bahasa Inggeris pula.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya dapati amat kurang sekali bumiputra dipertanggungjawabkan memeriksa kertas jawapan Ilmu Hisab samada Ilmu Hisab moden ataupun Ilmu Hisab tambahan. Pada masa sekarang bilangan guru-guru Melayu, pensyarah-pensyarah Melayu sudah banyak yang ahli di dalam Ilmu Hisab. Oleh yang demikian, saya minta Lembaga atau Kementerian Pelajaran menyusun semula senarai Pemeriksa Kertas Peperiksaan khususnya diminta menambahkan bilangan pemeriksa dari kalangan bumiputra.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh Aktiviti (3) (a) dan (b),

Butiran 4100, muka surat 214 — Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah. Tuan Pengerusi, sebagai perkara yang akhirnya ialah saya minta supaya bantuan atau pemberian kepada sekolah-sekolah hendaklah dibuat sekali sahaja dalam setahun berdasarkan keramaian murid pada 31hb Januari tiap-tiap tahun. Ini akan menolong sekolah bagi melengkapkan segala kelengkapan perkakas-perkakas bagi sesebuah sekolah itu. Pada masa sekarang kadar bantuan dan pemberian kepada sekolah-sekolah itu diberi berpenggal-berpenggal sedangkan sebahagian besar perbelanjaan sesebuah sekolah terpaksa dilakukan pada awal tahun. Oleh yang demikian, jika keadaan sekarang diteruskan juga maka sekolah-sekolah akan terpaksa membeli barang-barang dan alat perkakas sekolah dengan cara berhutang dan ini akan merugikan wang sekolah sebab belian secara berhutang lebih mahal daripada tunai.

Sekian, saya menyokong peruntukan Kementerian Pelajaran.

#### 4.44 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Pengerusi, saya bercadang untuk bercakap secara pendek sahaja atas tiga perkara. Yang pertama, mengenai Aktiviti (3) Pelajaran Rendah dan Menengah. Atas perkara Pelajaran Rendah dan Menengah, ingin saya merujuk kepada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan juga Lembaga Pengurus Pentadbir Sekolah.

Tuan Pengerusi, dalam masa soal jawab di Dewan ini pada 25hb. Oktober, Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ada menyatakan bahawa Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan baharu tidak akan ada Lembaga Pengurus Pentadbir Sekolah yang akan ditubuhkan tetapi sekolah-sekolah itu akan ditadbirkan oleh sebuah Jawatankuasa Kewangan.

Tuan Pengerusi, saya merasa amat bimbang dan juga rakyat Malaysia keturunan Cina pun merasa amat bimbang atas jawapan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Ini

adalah sebab pembinaan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina, pengekalan dan perkembangannya ada berkait rapat dengan Lembaga Pengurus Pentadbir Sekolah. Pembinaan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina pengekalan dan perkembangannya ada bergantung kepada Lembaga Pengurus Pentadbir Sekolah. Maka boleh dikatakan bahawa Lembaga Pengurus Pentadbir Sekolah merupakan ibu kandungan kepada semua Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina.

Tuan Pengerusi, tanpa Lembaga Pengurus Pentadbir Sekolah, Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina tidak wujud sekali. Oleh itu, untuk memelihara Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina, saya rasa perlulah mengekalkan kedudukan Lembaga Pengurus Pentadbir Sekolah. Selama ini segala kemudahan, kelengkapan sekolah-sekolah, harta-benda pembinaan bangunan sekolah dan perancangan pembiayaan untuk Sekolah Cina adalah disempurnakan oleh penaja ibubapa dan orang ramai melalui organisasi Lembaga Pengurus. Oleh itu, Lembaga Pengurus tersebut telah dianggap sebagai pengasuh dan juga sumber kekuatan Sekolah-sekolah Cina selama ini.

Tuan Pengerusi, memandangkan penyer-taan aktif rakyat Malaysia keturunan Cina dalam pembangunan negara, Kerajaan sebenarnya harus menghargai sumbangan yang tidak ternilai itu dari Lembaga Pengurus Sekolah-sekolah Cina terhadap bidang pelajaran negara ini. Jasa-jasa baik Lembaga Pengurus Pentadbir Sekolah tidak harus diketepikan, organisasinya tidak harus diperkecilkan sebaliknya inisiatif ini harus mendapat galakan dari Kerajaan supaya rakyat dari semua kaum di negara ini mempunyai peluang yang lebih luas untuk menerima pelajaran.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin merujuk sedikit mengenai Aktiviti (5) Pelajaran Menengah Atas/Tinggi. Atas perkara pelajaran Menengah Atas/Tinggi, ingin saya

menegaskan di sini bahawa segala langkah-langkah yang boleh dan akan menambahkan peluang-peluang pelajaran untuk pemuda-pemudi Malaysia melanjutkan pelajaran tinggi di tanah air kita mereka hendaklah disokong. Akan menjadi satu ideal jika sekiranya institusi-institusi dan universiti-universiti ditubuhkan dan diselenggarakan menurut peruntukan-peruntukan dan jaminan Perlembagaan kita oleh rakyat sendiri yang akan menampung perbelanjaan penuh bagi penyelenggaraan institusi-institusi dan universiti-universiti itu kerana ini dibenarkan bukan sahaja akan mengurangkan commitment kewangan Kerajaan tetapi juga akan menyumbang ke arah pembangunan pelajaran kebangsaan dengan menambahkan peluang-peluang untuk mendapatkan pelajaran tinggi tempatan.

Tuan Pengerusi, sesuai dengan cadangan saya ini, ingin saya sekali lagi merujuk kepada satu permohonan yang dicadangkan untuk menubuhkan sebuah Universiti Merdeka di mana Kerajaan telah memberi pendaftaran perniagaan dalam tahun 1969. Saya menyeru bahawa pihak Kerajaan bukan sahaja memberi sokongan terhadap cadangan Universiti Merdeka ini tetapi juga meluluskan penubuhan Universiti itu supaya dapat memberi peluang-peluang pelajaran tinggi kepada pemuda dan pemudi Malaysia di tanah air kita ini.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin menyentuh Aktiviti (6) mengenai Kebajikan Penuntut-penuntut di Luar Negeri.

Tuan Pengerusi, atas perkara Kebajikan Penuntut-penuntut di Luar Negeri, ingin saya mengesyorkan di sini bahawa Kementerian yang berkenaan hendaklah melantik seorang Penasihat Pelajar untuk Kedutaan Malaysia di Ottawa, Kanada. Ini pada anggapan saya adalah perlu supaya penuntut-penuntut Malaysia yang sedang belajar di universiti-universiti di Kanada boleh berhubung dengan Penasihat Pelajar apabila mereka menghadapi masaalah atau memerlukan penerangan atas

perkara-perkara yang berkaitan dengan pelajaran dan juga dengan kebajikan mereka. Saya ingat bahawa saya telah membentangkan syor ini apabila Dewan ini membahaskan anggaran untuk Kementerian Luar Negeri tetapi saya telah diberitahu bahawa saya patutlah menyampaikan syor ini kepada Kementerian Pelajaran yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, pada masa ini terdapat lebih kurang 600 orang pelajar-pelajar yang kini belajar di Kanada dan memandangkan kepada bilangan yang begitu besar itu, saya harap Kementerian yang berkenaan dapat melantik seorang Penasihat Pelajar untuk Kedutaan kita di Ottawa supaya beliau dapat memberi nasihat dan juga pertolongan kepada pihak pelajar-pelajar kita apabila mereka menghadapi kesulitan.

Yang akhirnya, Tuan Pengerusi, dalam ucapan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan apabila beliau membentangkan anggaran untuk Kementerian Pelajaran, Yang Berhormat Menteri ada menyatakan oleh kerana bilangan penuntut yang ingin mendapat pelajaran di peringkat universiti adalah bertambah banyak tiap-tiap tahun maka didapati perlu sebilangan daripada mereka terpaksa mencari peluang menuntut di luar negeri. Pada tahun ini di antara hampir 26,000 orang pelajar yang telah memohon untuk belajar di universiti-universiti tempatan, saya diberitahu bahawa hanya beberapa ribu dari mereka telah berjaya dan ada lebih kurang 20,000 pelajar-pelajar kita yang sungguhpun layak untuk belajar di Universiti-universiti ini tetapi tidak berjaya di dalam permohonan mereka.

Tuan Pengerusi, saya sedar bahawa bukan semua pelajar-pelajar itu hendak belajar di universiti di luar negeri oleh sebab ada sebahagian yang mahu keluar dari sekolah untuk mencari kerja dan lain-lainnya dan juga Yang Berhormat Menteri yang berkenaan pun ada kata bahawa negara kita tidak berkehendakkan satu keadaan yang melahirkan

jeneral-jeneral sahaja tetapi tidak ada askar-askar dan kapten-kapten. Sungguhpun ini benar tetapi saya rasa adalah tidak adil untuk menafikan pelajar-pelajar yang hendak mengambil peluang untuk pergi belajar di luar negeri dan memandangkan kepada hakikat bahawa ada sebahagian daripada 20,000 orang pelajar yang ingin belajar di luar negeri, saya ingin menggesa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan untuk mengambil berat satu cadangan bahawa Kerajaan patut memberikan bantuan kewangan kepada pelajar-pelajar itu dalam bentuk pinjaman atau grants. Dalam hubungan ini, Tuan Pengerusi....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat ada satu minit lagi.

**Tuan Lee Lam Thye:** Baiklah, saya boleh menghabiskan dalam satu minit.

Dalam hubungan ini saya mencadangkan bahawa Kerajaan hendaklah memulakan satu Tabung Pusingan untuk membantu semua pelajar-pelajar yang ingin belajar di luar negeri tetapi tidak mampu oleh sebab kemiskinan mereka.

4.55 ptg.

**Datuk Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Pekan):** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong peruntukan yang dikehendaki oleh Kementerian Pelajaran dan ingin juga saya mengambil bahagian dalam perbincangan ini di bawah Kepala P. 29, Butiran 1 dan 2 iaitu Pelajaran Rendah dan Pelajaran Menengah.

Tuan Pengerusi, satu perkara yang selalu ditimbulkan dalam kawasan saya ialah berkenaan dengan kekurangan guru-guru yang berkhidmat di sekolah-sekolah luar bandar. Setelah menyiasat perkara ini dengan lebih lanjut, saya dapati kalau tidak salah, bahawa Kementerian Pelajaran menggunakan dua ukuran bagi menempatkan jumlah guru-guru dalam sebuah sekolah. Ukuran yang pertama ialah seorang guru bagi 50 orang

murid dan ukuran yang kedua ialah bagi sebuah kelas 1.2 orang guru.

Tuan Pengerusi, pada hemat saya penggunaan ukuran yang pertama iaitu seorang guru bagi 50 orang murid tidak merupakan satu ukuran yang praktikal untuk digunakan terutama sekali bagi sekolah-sekolah luar bandar oleh kerana sebuah kelas Sekolah Rendah kawasan luar bandar mungkin mempunyai kurang daripada 50 orang murid. Ukuran yang biasa saya percaya digunakan untuk sekolah-sekolah luar bandar ialah ukuran yang kedua yang saya katakan iaitu bagi sebuah kelas 1.2 orang guru. Ratio ini seharusnya boleh menjamin bahawa bilangan guru-guru bagi tiap-tiap sekolah adalah mencukupi. Akan tetapi, ada terdapat di dalam sekolah-sekolah luar bandar umpamanya di dalam sekolah-sekolah kawasan saya yang mana seorang guru terpaksa mengajar dua buah kelas serentak dalam dua matapelajaran yang berlainan. Bukan sahaja taraf pelajaran di sekolah tersebut mungkin terjejas tetapi juga sudah timbul keadaan yang mana amat sukar untuk mengawal disiplin.

Oleh itu, saya ingin mengesyorkan kepada Kementerian Pelajaran supaya dapat menimbangkan pertambahan guru-guru di sekolah-sekolah luar bandar dengan menaikkan ratio bagi tiap-tiap buah kelas 1.2 orang guru kepada 1.4 orang guru. Saya rasa keadaan kekurangan guru-guru telah wujud kerana di dalam mengambil kira ratio tersebut, guru-guru besar dan guru-guru ugama juga termasuk dalam jumlah guru-guru yang boleh ditempatkan bagi tiap-tiap sekolah. Dengan kita menaikkan ratio kepada 1.4 orang guru bagi tiap-tiap kelas maka saya percaya masalah kekurangan guru-guru di sekolah-sekolah luar bandar dapat diatasi.

Di samping saya mengesyorkan sedemikian saya ingin juga merakamkan ucapan tahniah kepada Kementerian berkenaan kerana bagi kawasan saya sendiri pada keseluruhannya kemudahan persekolahan adalah memuaskan.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang saya ingin sentuh di sini ialah berkenaan dengan taraf mata pelajaran Bahasa Inggeris. Saya ingin membangkitkan perkara ini kerana kelulusan Bahasa Inggeris yang tercapai oleh sekolah-sekolah luar bandar amatlah menyedihkan. Umpamanya sebuah sekolah di dalam kawasan saya sejumlah 100 orang murid telah mengambil Bahasa Inggeris bagi peperiksaan SRP tetapi tidak seorang pun yang telah lulus. Saya sedar bahawa kita sedang meluaskan lagi penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah dan saya memang menyokong penuh usaha ini demi untuk menguatkan lagi perpaduan negara kita dan sesiapa yang menentang usaha ini adalah orang yang tidak taat dan setia kepada negara kita.

Di samping itu kita tidaklah bersikap terlalu emosi dan memandang sepi terhadap mempelajari bahasa-bahasa lain. Saya berpendapat sebarang sikap yang dikuasai oleh perasaan emosi akan pada akhirnya merugikan kita.

Saya kata demikian, kerana suka tidak suka negara kita akan mempunyai lebih banyak hubungan dengan negara-negara lain baik di dalam konteks ASEAN ataupun di dalam konteks perdagangan antarabangsa. Oleh itu, seseorang yang tidak mempunyai kebolehan di dalam satu bahasa yang lain akan berasa ketinggalan baik seorang itu menjadi pegawai Kerajaan ataupun bekerja di dalam sektor swasta, kerana perhubungan antarabangsa akan bertambah luas pada masa-masa yang akan datang.

Oleh hal yang demikian, Tuan Pengerusi, saya sangatlah berharap kepada Kementerian Pelajaran supaya dapat memperbaiki taraf pelajaran Bahasa Inggeris — saya ulang — di samping kita tetap berusaha menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar dalam semua matapelajaran yang lain.

Tuan Pengerusi, Persatuan Ibubapa dan Guru-guru (PIBG) pada pendapat saya adalah

merupakan sebuah badan yang penting bagi tiap-tiap sekolah. Sebahagian daripada PIBG memang bergerak secara aktif untuk memberi pertolongan dan bimbingan kepada murid-murid terutama daripada segi kewangan dan menyediakan bantuan-bantuan seperti makanan panas dan lain-lain lagi.

Buat pada masa ini PIBG bergerak mengikut mutu kepemimpinan tiap-tiap sesuatu persatuan. Di mana-mana sekolah yang PIBG dipimpin oleh ibubapa dan guru-guru yang cergas maka PIBG di situ pun maju, dan di mana terdapat kepemimpinan yang tidak cergas maka PIBG itu berada di dalam keadaan hidup segan mati tidak mahu. Saya rasa, memandangkan betapa banyak pertolongan yang boleh diberi kepada murid-murid sekolah oleh PIBG yang aktif, saya ingin mencadangkan kepada Kementerian yang berkenaan supaya melantik Pegawai-pegawai Penyelia Persatuan PIBG. Tugas-tugas mereka ialah untuk memberi pimpinan dan galakan kepada Persatuan-persatuan PIBG di bawah jagaan mereka. Dengan ini bukan sahaja Persatuan PIBG dapat bergerak lebih cergas, tetapi jua kita dapat mengawal supaya Persatuan-persatuan PIBG tidak digunakan sebagai sebuah pentas politik untuk mengembangkan sesuatu fahaman.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja ucapan saya dan sekali lagi saya menyokong peruntukan yang dikehendaki oleh Kementerian tersebut.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus. Ini yang akhir dan selepas itu saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

*5.04 ptg.*

**Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus):** Tuan Pengerusi, dalam perbincangan mengenai peruntukan yang diminta oleh Kementerian Pelajaran, saya suka menyentuh di dalam dua perkara sahaja; yang pertama, mengenai Butiran 4100, Aktiviti 9 (b) mengenai Sekolah-sekolah Ugama Islam Rakyat. Tuan Pengerusi, mula-mula sekali saya ingin menyampaikan ucapan terima

kasih dan rasa bangga saya kepada Kementerian ini yang telah mengambil berat mengenai Sekolah Ugama Islam rakyat di seluruh negara kita ini. Oleh kerana keadaan ambil berat inilah barangkali Sekolah-sekolah Ugama Islam rakyat masih dapat hidup di beberapa tempat ataupun di beberapa buah sekolah di seluruh negara kita ini dengan bantuan-bantuan yang diberi oleh pihak Kerajaan. Walau bagaimanapun, Tuan Pengerusi, saya suka memberi sedikit pandangan mengenai Sekolah-sekolah Ugama Islam rakyat ini.

Yang pertama, saya rasa sudah sampai masanya pihak Kerajaan mengambil tanggungjawab untuk menyelaraskan sukatan matapelajaran Sekolah-sekolah Ugama Islam rakyat ini di seluruh negara kita ini dan tidak sebagaimana yang kita dapati sekarang ini sukatan pelajaran mereka itu kita dapati tidak sama ataupun selaras di antara satu sekolah dengan sekolah-sekolah lain. Ini menjadi satu kesukaran kepada murid-murid yang mengikuti ataupun belajar di sekolah-sekolah Ugama Islam rakyat ini apabila mereka berpindah dari satu-satu kawasan kepada satu kawasan yang lain dan mereka ini ingin meneruskan pelajarannya di sekolah lain, maka sudah tentu menjadi kesulitan kepada murid-murid yang sedemikian bagi meneruskan matapelajaran mereka ataupun persekolahan mereka. Sebab itulah saya rasa sudah patut benar di samping Kerajaan memberikan bantuan kepada sekolah-sekolah ini mengambil tanggungjawab yang saya sebutkan tadi bagi diselaraskan di mana-mana sekolah yang diberi bantuan oleh Kerajaan.

Tuan Pengerusi, mengenai bantuan-bantuan yang diberikan saya rasa juga patut Kerajaan membuat kajian semula dan menimbang kembali bagi menambahkan pemberian yang diberikan sekarang ini supaya sesuai dengan keadaan sekarang ini yang kakitangan-kakitangan Kerajaan, guru-guru telahpun dinaikkan tanggagaji mereka, saya rasa patut benarlah dapat Kerajaan menimbang semula pemberian ataupun bantuan ini

dan dinaikkan juga supaya guru-guru di Sekolah Ugama Islam rakyat ini dapat menikmati sedikit lebih daripada yang mereka itu terima pada masa ini. Kalau kita hendak bandingkan dan saya tidak bercadang hendak membandingkan sebab kalau kita bandingkan pun memanglah perbezaannya amat jauh dan tidak boleh dibandingkan. Apa yang saya merayu ialah memberi pertimbangan supaya dapat meringankan sedikit keadaan mereka sebab semua orang-orang yang bekerja di dalam Kerajaan telah dinaikkan tanggagaji mereka. Guru-guru yang berkhidmat ini walaupun berkhidmat dengan sukarela, tetapi mereka ini juga manusia biasa yang ingin hidup lebih sempurna. Jadi oleh sebab itu saya merayu kepada pihak Kementerian ini supaya dapat menimbang kembali dan memberi tambahan bantuan-bantuan yang telah diberikan ini.

Tuan Pengerusi, satu perkara yang saya ingin sebutkan lagi di sini ialah mengenai P. 29, Butiran 9 — Asrama.

Sebagaimana setengah-setengah daripada rakan-rakan saya di dalam Parlimen ini telah menyebut masalah-masalah asrama ini, saya suka juga menyebut disebabkan kawasan saya itu Sekolah-sekolah Menengah keseluruhannya berada di kawasan luar bandar dan perhubungannya hampir keseluruhannya adalah sukar. Lebih-lebih lagi sebagaimana Sekolah Menengah yang ada di dalam kawasan saya yang dinamakan Sekolah Menengah Maras yang perhubungannya memang sukar dan saya dapati ramai murid-murid yang patut bersekolah di sekolah ini tiap-tiap tahun tidak dapat bersekolah disebabkan bas-bas sekolah tidak sampai, bas kompani jarang-jarang dan kalau hujan mungkin jalannya becak langsung tidak boleh berjalan.

Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan kepada Kementerian ini supaya memberi keutamaan kepada sekolah-sekolah yang sukar perhubungannya. Seperti sekolah yang saya sebutkan tadi dan sekolah-sekolah yang

ada seperti sekolah di Kampung Buluh ataupun sebagainya. Tujuan saya sebutkan ini supaya Kerajaan dapat mengadakan asrama walaupun tidak dapat menampung sepenuhnya murid-murid yang belajar di sekolah itu, tetapi sekurang-kurangnya dapat menampung murid-murid yang jauh dan sukar untuk datang ke sekolah. Dengan sebab itu saya merayu benar-benar kepada Kerajaan ini dalam memberi keutamaan dan pembinaan asrama-asrama sekolah ini, berilah keutamaan kepada sekolah-sekolah di luar bandar yang payah, yang susah perhubungan. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi mudah-mudahan dengan ikhtiar yang saya sebutkan ini dapat menghapuskan murid-murid yang tidak dapat datang ke sekolah kerana masalah kenaikan ini.

Saya sedar pada satu ketika dahulu Kementerian ini kalau tidak silap saya ada memberi bantuan basikal dan saya rasa perkara seperti ini memang ada diberi cuma yang saya maksudkan ini samada Kementerian ini ataupun Kementerian yang lain. Saya dapati beberapa buah basikal sahaja yang dapat diberikan, ini jauh sekali daripada dapat menampung keperluan ini dan saya tidak nampak pada masa-masa akan datang pihak Kerajaan dapat memberi bantuan basikal kepada murid-murid ini. Sebab itu saya mengharap benar-benar supaya masalah asrama ini dikemukakan dan diberikanlah keutamaan kepada Sekolah-sekolah Menengah yang ada di luar bandar sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

Akhir sekali saya menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian ini.

**Tuan Farn Seong Than:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Sudah akhir tidak ada waktu lagi. Tadi Yang Berhormat Tuan Speaker sudah beritahu. Sila Yang Berhormat Menteri.

5.14 ptg.

**Menteri Pelajaran (Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad):** Tuan Pengerusi, saya

mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan berkenaan dengan peruntukan bagi Kementerian Pelajaran. Saya juga berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi, dan kalau beliau ingin bolehlah menulis kepada saya dan saya akan timbangkan apa yang ada dalam fikirannya untuk kebaikan Kementerian Pelajaran.

Saya ingin menyentuh cuma sebahagian sahaja daripada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dengan kerana kita tidak mempunyai masa yang panjang dan Tuan Speaker tadi telah meminta supaya kita ringkaskan perbincangan memandangkan bahawa begitu banyak lagi Kementerian belum mengemukakan peruntukan bagi Kementerian mereka.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong sekali lagi telah membangkitkan soal pengiktirafan ijazah perubatan daripada Universiti Kebangsaan dan katanya ini bukan disebabkan oleh penggunaan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar tetapi kerana kekurangan kakitangan di dalam Fakulti Perubatan di Universiti Malaya. Saya mengaku kebenaran apa yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu tetapi soal kekurangan kakitangan ini adalah satu soal yang menyeluruh di dalam bidang pelajaran perubatan di seluruh dunia. Jarangkali di tempat-tempat yang mengutamakan taraf (standard) yang tinggi didapati mencukupi pensyarah-pensyarah di dalam berbagai bidang. Ada berbagai sebab kenapa ini berlaku di antaranya ialah dengan kerana pembayaran gaji kepada pensyarah-pensyarah ini tidaklah boleh disamakan dengan pembayaran ataupun pendapatan yang boleh didapati oleh mereka ini jika mereka berkhidmat di bidang swasta. Memang pendapatan doktor-doktor persendirian melebihi pendapatan doktor-doktor yang berkhidmat dengan Kerajaan atau dengan Universiti sebanyak tiga kali ganda. Kalau kita cuba berlumba dengan bidang swasta ini,

kita tetap akan gagal, kerana kalau kita menaikkan pun gaji mereka sehingga menjadi tiga kali ganda sekarang, maka pihak swasta akan menaikkan pula gaji mereka dan kita tidak dapat mengejar.

Pemindahan doktor-doktor dari satu tempat ke satu tempat yang lain adalah perkara biasa dan sebagai satu perkara yang mungkin menjadi panduan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini. Saya ingin meminta Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang tidak hadir pada petang ini mengemukakan kepada Dewan ini bilangan doktor-doktor yang telah bekerja di keliniknya yang telah meninggalkan keliniknya kerana membuka kelinik di tempat lain, samada di dalam negeri ini ataupun ada juga saya dengar doktor-doktor yang bekerja di keliniknya juga telah berhijrah ke Australia, mungkin dengan kerana tidak puas hati dengan layanan di kelinik Ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun angka yang dikemukakan olehnya boleh menjadi panduan kepada kita. Saya menafikan sama sekali bahawa sebabnya kekurangan ini adalah dengan kerana kelalaian Kementerian Pelajaran terhadap layanan kepada kakitangan kita di dalam Fakulti Perubatan.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat telah menyebut tentang masalah Bahasa Inggeris dan ini juga telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pekan. Saya sedar bahawa kalau dibuat bandingan tentang pencapaian dalam Bahasa Inggeris di masa sekarang ini dengan di masa dahulu di waktu mana Bahasa Inggeris merupakan bukan satu matapelajaran tetapi merupakan bahasa pengantar di sekolah-sekolah. Memang benar pencapaian sekarang ini jauh lebih rendah daripada dahulu, tetapi di samping itu kita harus ingat bahawa kegunaan Bahasa Inggeris di Malaysia ini sudahpun berubah. Kita tidak lagi berkehendakkan supaya semua orang menguasai Bahasa Inggeris tetapi kita berkehendakkan kepada satu golongan sahaja, golongan yang akan meneruskan pelajaran untuk meningkat ke peringkat yang tinggi, mereka ini perlu menguasai Bahasa Inggeris.

Sebab itu taraf pencapaian Bahasa Inggeris di Sekolah Rendah dan Menengah tidak begitu tinggi dan kita menggunakan sukatan pelajaran yang baru kerana kita berpendapat bahawa penguasaan Bahasa Inggeris cara lama iaitu penguasaan yang menekankan lebih kepada "grammatical correctness" daripada boleh menggunakan bahasa. Ini telah menyebabkan sukatan pelajaran terpaksa diubah. Kalau dahulu kita menekankan grammar, tetapi sekarang kita menekankan communication iaitu seorang itu perlu mempelajari bahasa itu supaya ia dapat menggunakannya dan sepertimana kita semua maklum bahasa ibunda sendiri kita tidak pernah belajar tentang grammar, tetapi kita dapat menggunakan bahasa kita dengan begitu fasih kerana kita menggunakannya sepanjang masa. Sebab itu sekarang ini dalam Bahasa Inggeris sukatan pelajaran yang menggunakan Peperiksaan 122 cara mengajarnya sudahpun berubah dan menekankan kepada communication lebih daripada soal grammar dan sebagainya.

Mungkin grammar mereka tidak begitu baik tetapi itu tidak menjadi masalah kalau mereka dapat faham oleh sesiapa yang mendengar mereka membuat ucapan. Sebaliknya mereka yang akan terus belajar ke peringkat universiti, kita berkehendak supaya mereka menguasai bahasa ini dengan sepenuhnya dan untuk ini kita boleh mengadakan kursus khas untuk bahasa dan menggunakan language laboratory dan sebagainya. Sebab itu kita tidak perlu kuatir tentang masalah Bahasa Inggeris ini, kerana kalau kita lihat ke belakang, kita akan dapati bahawa di zaman colonial dahulu juga cuma segelintir sahaja manusia yang menguasai Bahasa Inggeris dan kalau kita buat bandingan dari cara bilangan yang absolute, bilangan mereka yang menguasai Inggeris sekarang dengan bilangan mereka yang menguasai Inggeris di zaman British dahulu adalah lebih kurang sama bahkan mungkin zaman ini lebih banyak lagi daripada zaman itu kerana di zaman British dahulu cuma sebahagian yang kecil sahaja yang dapat pergi ke sekolah.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah menyebut bahawa adalah pelik katanya bila hari pembukaan sekolah yang baru dalam ucapan pengerusi dalam upacara itu ada permintaan supaya ditambah bilik sekolah. Pada hari kita membuka bilik sekolah yang baru diminta lagi tambahan bilik sekolah dan katanya ini disebabkan kita tidak menyediakan bilangan bilik sekolah yang mencukupi. Saya menafikan bahawa ini yang menyebabkan mereka membuat ucapan demikian, kerana biasanya manusia tidak pernah puas hati dan mereka yang diberi bilangan bilik sekolah yang cukup masih juga meminta tambahan bahkan yang kita memberi sekolah yang seperti mahligai binaannya juga masih meminta lain-lain bangunan seperti dewan, bilik perpustakaan, bilik khas, bermacam-macam bilik, semuanya hendak untuk dirinya sahaja tetapi tidak memikirkan bahawa peruntukan itu adalah terhad dan kita terpaksa nelayan tuntutan-tuntutan daripada pihak yang lain.

Ini membawa saya kepada satu perkara yang jelas sekali dalam perbincangan yang kita dengar berkenaan dengan peruntukan bagi Kementerian Pelajaran ini, iaitu kita dapati hampir semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang bangun telah berkata bahawa mereka memerlukan bangunan, memerlukan bilik darjah, makmal, bangunan baru, sekolah baru dan sebagainya dan mereka yang membuat ucapan ini datang mewakili dari berbagai jenis manusia; ada yang mewakili kawasan luar bandar, ada yang mewakili kampung-kampung baru (new villages) ada yang mewakili kawasan-kawasan FELDA yang terpencil, ada yang mewakili kawasan-kawasan yang dekat dengan bandar, semuanya bersungut bahawa mereka tidak mendapati sekolah yang cukup, bilik darjah yang cukup dan sebagainya. Ini membuktikan bahawa kita memberi layanan secara yang cukup adil iaitu semua tidak dapat (*Ketawa*). Tidak ada siapapun yang ada pilih kasih dalam perkara ini. Saya tidak mengutamakan kawasan FELDA tidak mengutamakan kawasan new villages semuanya saya tidak

beri. Inilah gambaran yang kita dapati daripada ucapan-ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat, tetapi yang sebenarnya mereka yang buat ucapan yang sama dalam tahun yang lepas dan telahpun menerima bangunan-bangunan yang baru jarang sekali menyebutkan di dalam Dewan ini bahawa hasil daripada ucapan mereka, mereka telah dapat layanan daripada Menteri Pelajaran. Kalau mereka juga membuat ucapan maka kita dapat melihat bahawa sebenarnya Kementerian Pelajaran ini cuba memenuhi kehendak-kehendak semua Ahli Yang Berhormat, tetapi apa boleh buat, walaupun kita tambah peruntukan sejak saya berada di dalam Kementerian ini daripada \$1,200 juta sehingga kepada \$2,100 juta masih juga tidak mencukupi dan saya yakin tiap-tiap tahun Menteri Pelajaran mana sekalipun, sayakah atau anak-cucu saya datang ke sini menjadi Menteri Pelajaran, soal yang sama akan dibangkitkan iaitu peruntukan tidak mencukupi dan tidak ada bilik darjah untuk kawasan Ahli-ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, apa yang telah diperkatakan oleh mereka, saya akan ambil ingatan dan jika diizinkan oleh Dewan ini juga dengan peruntukan yang lebih banyak, saya akan cuba melayan semua tuntutan-tuntutan yang telah dibuat.

Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas telah membangkitkan masalah disiplin di universiti. Katanya peraturan disiplin bagi kakitangan universiti ini merupakan satu kongkongan kepada profesor-profesor dan mahaguru-mahaguru dalam universiti. Saya tidak percaya bahawa ini merupakan satu kongkongan kepada mereka kerana memang benar ahli-ahli akademik ini tidak dapat dikawal sama sekali dan mereka dengan mudahnya dapat meneruskan apa juga disiplin yang mereka suka mengikuti walaupun kita mengadakan berbagai jenis sekatan-sekatan. Kita tidak harus takut bahawa mereka ini tidak dapat mempelajari political science dengan kerana ada syarat-syarat dalam peraturan disiplin ini, kerana itu

tidak termasuk sama sekali di dalam sekatan-sekatan disiplin yang diadakan bahkan kita memberi kebebasan yang penuh bukan sahaja kepada pensyarah dan profesor tetapi penuntut juga yang menuntut di dalam bidang political science mereka diberi kelonggaran supaya mereka juga dapat membaca buku seperti "Malay Dilemma" yang kita semua tidak dapat baca.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam telah menyebut tentang saya tidak sedia memberi kelas HSC kepada sekolahnya, iaitu Sekolah Menengah Jit Sin di Bukit Mertajam. Ini bukan dengan kerana kita sengaja tidak suka memberi tetapi dengan kerana bilangan kelas HSC di kawasan Bukit Mertajam dan juga di Pulau Pinang sudahpun mencukupi.

Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh berkehendakkan supaya diadakan sebuah Sekolah Menengah untuk Permatang Pauh. Malangnya kita tidak mengadakan Sekolah Menengah untuk tiap-tiap satu kawasan pilihanraya, kita mengadakan Sekolah Menengah mengikut keperluan tempatan dan kadang-kadang kawasan pilihanraya ini ada yang kecil, ada yang besar, ada yang dekat dengan tempat yang lain yang mana penuntutnya dapat pergi ke tempat itu. Saya mengakui bahawa mungkin ianya kena berjalan sampai dua tiga jam sebelum sampai ke sekolah tetapi kalau dibandingkan antara Permatang Pauh dengan Maran, barangkali Maran mempunyai masalah yang lebih besar sedikit, jadi kita terpaksa menentukan priority dalam perkara ini. Ada setengah tidak ada bas dan berkehendakkan bas, yang sudah ada bas, kata lama sangat hendak kena berjalan dengan bas, yang setengah itu boleh pergi dengan basikal tetapi basikal tidak cukup dan sebagainya, semuanya hendak supaya Kementerian Pelajaran menyediakan. Kalau kita ada duit, kita akan cuba menyediakan basikal roda dua, roda tiga atau roda berapakah setakat yang kita boleh.

Soal jauh pergi ke sekolah ini saya dapati di Sarawak masalah ini adalah lebih daripada

masalah di tempat-tempat yang lain dan saya telah memeriksa apa yang dipanggil asrama di Sarawak yang lebih merupakan reban ayam daripada asrama. Mereka patut diberi layanan lebih dahulu daripada setengah-setengah tempat lain di mana kita mengadakan asrama, tetapi apabila saya melawat asrama Kerajaan yang begitu elok, mereka masih merungut bahawa tilam mereka tidak begitu tebal sedangkan di Sarawak jangan kata tilam, tempat tidur itu tidak ada lapik sama sekali.

Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson telah bercakap berkenaan dengan kekurangan guru Bahasa Malaysia di Sekolah Cina, ini kita akan cuba mengatasinya. Beliau juga telah menyebutkan tentang Bahasa Cina tidak mencapai taraf yang mencukupi ini akan kita kaji di waktu kita mengkaji pelaksanaan dasar pelajaran untuk semua tempat.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah menyebut tentang Lembaga Pengurus Pentadbir Sekolah yang katanya menjadi sumber kekuatan bagi Sekolah-sekolah Cina. Dasar Kementerian Pelajaran ialah Sekolah-sekolah Cina yang baru tidak ada dilengkapi dengan Lembaga Pengurusan Pentadbir Sekolah. Dasar ini telahpun ditentukan memandangkan bahawa sungguhpun ada kebaikan daripada adanya Lembaga ini tetapi ada juga keburukan kerana ramai yang telah bersungut Lembaga Pengurus Pentadbir Sekolah ini campurtangan di dalam pengurusan sesebuah sekolah sehingga guru-guru tidak mentadbirkan sekolah dengan sempurna terutama guru-guru besar. Kita dapati samada ada atau tidak ada Lembaga Pengurus ini sekolah-sekolah yang ditadbirkan oleh Kementerian Pelajaran ini dapat berjalan dengan sempurna, sebab itu saya tidak dapat terima hujah-hujah yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat. Untuk sekolah-sekolah lama kita tidak bercadang untuk mengusik Lembaga Tadbir yang ada bukan dengan kerana mereka penting tetapi kerana dijadikan satu masalah politik, dalam perkara ini sehingga kita tidak dapat menjalankan tugas kita dengan sempurna tanpa

membangkitkan emosi yang tidak harus dibangkitkan.

Ahli Yang Berhormat dari Pekan telah menyebut tentang ratio guru dengan kelas. Sebenarnya kita telahpun mengkaji ratio guru 1.2 untuk satu kelas ini sejak beberapa tahun dan kalau Ahli Yang Berhormat mengikut ucapan saya, saya telah menjelaskan iaitu sungguhpun dalam tahun 1974 kita melatih sebanyak 2,000 orang guru dalam satu tahun, pada tahun 1977 kita melatih sebanyak 5,000 orang guru dalam satu tahun. Tujuan kita ialah untuk meningkatkan bilangan guru daripada lebih kurang 80,000 kepada 120,000 dan kalau kita dapat 120,000 sudah tentu ratio guru dengan kelas akan dinaikkan daripada 1.2 mungkin kepada 1.3 dan bukan sahaja kita ingin membaiki ratio ini tetapi kita juga ingin mengurangkan bilangan murid di dalam sebuah kelas yang sekarang ini had maksimumnya ialah 50 tetapi kita ingin kurangkan supaya had maksimumnya di dalam anggaran 40 atau 45. Dengan cara ini kita dapat menyampaikan pelajaran dengan lebih sempurna lagi.

Tuan Pengerusi, saya tidak dapat menyentuh lain-lain perkara yang telah dibangkitkan, tetapi saya akan ambil ingatan, dan dengan itu saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan ini.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,450,694,000 untuk Kepala B. 29 dan \$275,704,300 untuk Kepala B. 30 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$297,698,711 untuk Kepala P. 29 dan \$126,238,000 untuk Kepala P. 30 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1978.

*Kepala B. 28 (Jadual) —  
Kepala P. 28 (Anggaran Pembangunan, 1978)*

—  
5.35 ptg.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim):** Tuan Pengerusi,

saya mohon izin mencadangkan supaya Anggaran Perbelanjaan Mengurus Kepala B. 28 yang berjumlah \$1,171,429,000 dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan di bawah Kepala P. 28 berjumlah \$473,825,745 diluluskan.

Anggaran Perbelanjaan Kementerian Pertahanan bagi tahun 1978 pada keseluruhannya menunjukkan kelebihan sebanyak \$299,094,715 atau 22% berbanding dengan peruntukan 1977.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

### ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS

Tuan Pengerusi, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Kementerian Pertahanan pada tahun 1978 adalah berjumlah \$1,171,429,000 iaitu bertambah sebanyak \$261,429,000 atau 28.7% daripada peruntukan Mengurus 1977. Peruntukan ini adalah dibahagikan kepada 4 Kumpulan Besar seperti berikut:—

(i) Gaji dan Elaun	: \$697,500,000
(ii) Perkhidmatan dan Bekalan	: \$414,023,000
(iii) Pembelian Harta Modal	: \$ 49,906,000
(iv) Pemberian dan Bayaran Tetap	: \$ 10,000,000

#### *Gaji dan Elaun*

Pada tahun 1977, peruntukan untuk Gaji dan Elaun adalah sebanyak \$500,000,000 sedangkan untuk tahun 1978 anggaran diminta ialah \$697,500,000, menunjukkan kelebihan perbelanjaan sebanyak \$197,000,000 atau 39.5%. Tambahan peruntukan ini adalah kerana kenaikan gaji tahunan sebanyak lebih kurang \$25.0 juta, tambahan gaji awam mengikut Laporan Kabinet sebanyak \$15.6 juta; tambahan gaji kerana penubuhan yunit-yunit baru dalam

tahun 1977 sebanyak \$30.8 juta, tambahan gaji untuk yunit-yunit yang ditubuhkan dalam tahun 1977 dan dilaksanakan dalam tahun 1978 sebanyak \$10.3 juta; tambahan kepada gaji yunit-yunit yang akan ditubuhkan dalam tahun 1978 ialah \$18.3 juta. Walau bagaimanapun keperluan perjawatan bagi yunit-yunit yang ditubuhkan dalam 1978 belum lagi ditunjukkan dalam ringkasan perjawatan Anggaran 1978. Selain daripada itu \$97.5 juta adalah untuk pelaksanaan gaji baru Kabinet bagi Anggota Angkatan Tentera.

### *Perkhidmatan dan Bekalan*

Peruntukan di bawah Kumpulan ini Perkhidmatan dan Bekalan iaitu perbelanjaan untuk tujuan penyenggaraan Anggota-anggota Tentera dan alat-alat kelengkapan.

Pada tahun 1978 peruntukan di bawah Kumpulan ini adalah berjumlah \$414,023,000 berbanding dengan \$365,000,000 pada tahun 1977, iaitu tambahan sebanyak \$49,023,000 atau 13.4%. Sebahagian besar daripada tambahan ini adalah daripada Pecahan Kepala 2700 — Bekalan dan Bahan-bahan iaitu bertambah sebanyak \$20.77 juta. Pertambahan ini adalah kerana tambahan kepada keanggotaan Angkatan Tentera sebanyak 4,000 orang yang dicadangkan tiap-tiap tahun, tambahan pembelian alat-alat ganti untuk kenderaan-kenderaan Angkatan Tentera, kapal-kapal dan kapalterbang. Pecahan Kepala 2800 — Penyenggaraan dan Pembaikan yang dibeli bertambah sebanyak \$20.54 juta. Pertambahan perbelanjaan penyenggaraan dan pembaikan adalah kerana tambahan kenderaan-kenderaan Angkatan Tentera, tambahan kapal-kapal yang telah dibeli misalnya dua buah Landing Ship Tank dan K.D. Hang Tuah; tambahan kapal-terbang misalnya 26 kapalterbang Nuri. Pecahan-kepala 2900 — Perkhidmatan Iktisad dan lain-lain Perkhidmatan yang dibeli dan Hospitaliti bertambah sebanyak \$6.143 juta oleh kerana keperluan latihan dan kursus yang semakin bertambah bagi menjamin kecekapan dan mutu perkhidmatan Angkatan Tentera. Dewasa ini anggota-anggota Angkatan Tentera

telah diberi latihan dan kursus lanjutan di United Kingdom, Amerika Syarikat, Australia, New Zealand, India dan Indonesia. Selain daripada kursus di luar negeri, anggota-anggota Angkatan Tentera juga menyertai berbagai kursus di Institusi-institusi Tempatan seperti MARA, INTAN, Universiti Malaya dan lain-lain lagi.

### *Pembelian Harta Modal*

Peruntukan di bawah Kumpulan ini pada tahun 1978 ialah \$49,906,000 iaitu bertambah sebanyak \$4.906 juta daripada peruntukan tahun 1977. Bagi Pecahan Kepala 3200 — Kemudahan-kemudahan, peruntukan sebanyak \$9,026,000 telah disediakan pada tahun 1978 iaitu tambahan sebanyak \$2.0 juta atau 28.5% daripada peruntukan tahun 1977.

Tambahan perbelanjaan bagi Pecahan Kepala ini adalah kerana untuk membaiki kem-kem, pengkalan-pengkalan Udara dan Laut dan juga meneruskan kerja-kerja yang belum siap. Pecahan Kepala 3300 — Perabut dan Lengkapan, Alat Kelengkapan dan Ternakan adalah bertambah sebanyak \$2.9 juta kerana tambahan pembelian berbagai alat kelengkapan untuk melengkapkan berbagai yunit Angkatan Tentera dan tambahan pembelian alat-alat ganti.

### *Pemberian dan Bayaran Tetap*

Pada tahun-tahun yang lalu Kementerian ini hanya dapat melakukan perbelanjaan 'nominal' atas kelengkapan-kelengkapan yang akan disimpan untuk kegunaan pada waktu-waktu kecemasan. Ini adalah kerana bangunan untuk menyimpan alat kelengkapan itu belum siap lagi. Memandangkan kepada kemajuan kerja-kerja pembinaan yang sedang dilaksanakan, Depoh Simpanan Pertahanan ini akan siap pada awal tahun 1978. Oleh yang demikian bagi tahun 1978, Kementerian ini menyediakan peruntukan sebanyak \$10.0 juta bagi Pecahan Kepala 4100 — Pemberian dan Bayaran Tetap untuk membeli alat kelengkapan Angkatan Tentera yang akan disimpan untuk kegunaan kecemasan.

## ANGGARAN PEMBANGUNAN

Pada tahun 1978, Kementerian Pertahanan memerlukan sebanyak \$473,825,745 bagi membiayai projek-projek Pembangunan. Peruntukan ini merupakan tambahan sebanyak \$37,665,715 atau 8.6% berbanding dengan peruntukan tahun 1977. Dari jumlah peruntukan ini, sebanyak \$200,060,040 ialah untuk pembinaan dan sebanyak \$273,665,705 ialah untuk pembelian peralatan bagi Angkatan Tentera.

## PEMBINAAN

Pecahan Kepala-pecahan kepala yang disifatkan sebagai Pembinaan adalah seperti yang tercatit di bawah:—

- (a) Perumahan
- (b) Pembinaan Pengkalan Laut Lumut dan Kuantan
- (c) Pengkalan TUDM Subang
- (d) Depoh Baikpuleh Kapal terbang
- (e) Pusat Latihan/Perumahan Bakal Bekas Tentera.

### *Perumahan*

Kementerian ini memandang berat terhadap masalah kekurangan tempat-tempat kediaman, pejabat-pejabat serta setor-setor bagi menampung keperluan Angkatan Tentera yang semakin bertambah. Masalah ini semakin mendesak apabila pasukan-pasukan baru ditubuhkan dan apabila peralatan-peralatan baru dibeli. Kementerian ini akan terus berusaha untuk mendapatkan kerjasama dari Jabatan Kerjaraya dan lain-lain Ajensi Kerajaan untuk mengatasi masalah-masalah tersebut. Bagi tahun 1978, peruntukan sebanyak \$80,000,000 disediakan untuk perumahan. Daripada \$80.0 juta itu, \$8.0 juta diperuntukkan bagi pembelian tanah, \$32.0 juta untuk pembinaan 'Technical Accommodation' dan \$40.0 juta lagi bagi pembinaan rumah-rumah kelamin.

### *Pengkalan Laut Lumut dan Kuantan*

Kementerian ini sedang membina dua pengkalan Laut, satu di Lumut dan satu lagi di Kuantan. 35% daripada projek di Kuantan telahpun siap dan bagi pengkalan Lumut sebanyak 10% projek itu sudahpun siap. Bagi tahun 1978 sebanyak \$100,000,000 disediakan untuk Pengkalan Laut Lumut dan sebanyak \$10,000,000 disediakan untuk Pengkalan Laut Kuantan. Peruntukan itu adalah untuk pembinaan dan pembelian alat-alat kelengkapan serta pembayaran kepada Perunding (Consultants).

### *Depoh Baikpuleh Kapal terbang (AIROD)*

Setakat ini 70% daripada projek ini telahpun dilaksanakan dan AIROD sedang melaksanakan kerja-kerja memperbaiki kapal terbang-kapal terbang TUDM. Selain daripada TUDM, MAS juga memperoleh kemudahan-kemudahan Perkhidmatan-perkhidmatan AIROD untuk memperbaiki kapal terbang-kapal terbangnya. Dewasa ini AIROD hanya berupaya melaksanakan 50% kerja-kerja daripada kemampuan yang dirancang. Bagi tahun 1978 sebanyak \$8.5 juta telah diperuntukkan untuk pembinaan dan pembelian kelengkapan.

### *Pusat Latihan/Perumahan Bakal Bekas Tentera*

Projek yang terletak di Sungai Buloh ini akan mula dilaksanakan pada awal tahun 1978 dengan peruntukan sebanyak \$1.5 juta. Projek ini penting kerana dapat memberi berbagai jenis kemudahan latihan kepada Bakal Bekas Tentera.

## PERALATAN BAGI ANGKATAN TENTERA

Dalam tahun 1978, sebanyak \$273,664,705 diperuntukkan bagi Pecahan Kepala 7—14. Peruntukan ini adalah untuk membeli berbagai kelengkapan Angkatan Tentera untuk —

- (i) menampung pembesaran Angkatan Tentera

- (ii) memodenkan kelengkapan tentera, dan
- (iii) memberi bantuan Logistik yang lebih baik.

Pembelian-pembelian yang akan menelan sebahagian besar daripada peruntukan ini ialah pembelian helikopter Nuri sebanyak \$60,536,600; pembelian kapal-kapal SPICA 'M' sebanyak \$60,000,000; K.D. Hang Tuah sebanyak \$15.0 juta; pembelian senjata M16 sebanyak \$14,000,000 dan pembelian alat perhubungan sebanyak \$20,900,000.

5.48 *ptg.*

**Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor):** Tuan Pengerusi, saya bangun minta izin dalam perbahasan ini menyentuh Kepala B. 28 Butiran 1100, Aktiviti (1) Pentadbiran Pertahanan.

Pentadbiran Pertahanan ini, Tuan Pengerusi, termasuklah pentadbiran hal ehwal anggota-anggota tentera yang bersara. Dengan sejumlah yang begitu banyak diperuntukkan bagi tahun 1978, saya suka membawa perhatian Kementerian berkenaan agar dapat perajurit-perajurit kita, anggota-anggota tentera kita yang akan bersara diambil berat sedikit ketentuan masa hadapannya. Apa yang saya maksudkan kebanyakan ataupun boleh dikatakan kesemua daripada anggota-anggota tentera kita telah masuk berkhidmat dalam tentera daripada umur mereka di dalam golongan belasan tahun dan sesudah berkhidmat 20 tahun mereka bersara. Dengan sebab itu, mereka tidaklah dapat sebenarnya menyesuaikan dirinya di dalam kehidupan baharu dan terpaksa apabila bersara exposed di suasana yang berbeza sama sekali. Di masa itulah mereka menerima beberapa suguhi daripada pihak-pihak yang berkenaan; daripada pihak Kementerian atau Kerajaan dan di situ jugalah mereka hendak memulakan kehidupan baharu.

Tuan Pengerusi, dengan adanya negara kita sekarang menghadapi satu kerumitan yang

besar iaitu kerumitan perumahan dan dengan sejumlah yang begitu kecil yang mereka dapat sebagai wang untuk bersara tentu sahaja bekas-bekas perajurit ini menghadapi masalah untuk mendapat rumah dan sebagainya. Oleh itu hendaklah Kementerian selain daripada memberi latihan ubahsuai yang sekarang inipun ada diberi, juga menentukan supaya bekas-bekas perajurit ini mendapat rumah atau kawasan mendirikan rumah apabila mereka bersara. Sekarang ini mereka terpaksa mencari rumah bersendirian daripada badan-badan, kalau di Selangor daripada Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor dan di lain-lain negeri pun begitu juga dan saya tahu mereka tidak mendapat layanan khas atau layanan istimewa. Jadi Kementerian yang bertanggungjawablah, pada pendapat saya, akan merecommendkan, kalau pun Badan-badan ini hendak memberi rumah, supaya benar-benar mengutamakan permohonan-permohonan daripada bekas perajurit. Jangan tunggu sehingga dia bersara; setahun atau enam bulan sementara dia belum bersara maka permohonannya disokong dan 100% permohonan mereka ini hendaklah diutamakan.

Yang kedua, saya hendak menyentuh berkenaan dengan pentadbiran dan kawalan alat setor kerana ini adalah juga di dalam Aktiviti (1) tadi. Tuan Pengerusi, kalaulah kita lihat komen daripada Juruodit Negara kita terperanjat melihat keadaan-keadaan setor yang dimaintain, dijaga atau dikawal oleh Kementerian tidak mempunyai sistem yang menjamin yang setor-setor di bawah pentadbiran tentera itu boleh kita lindungi daripada barang-barang ini kehilangan ataupun kecurian dan sebagainya. Kalau dilihat beratus ribu ringgit tidak dapat dikesan ataupun tidak dapat ketentuan dan saya berharap Kementerian juga mengambil berat hal ini kerana ini akan membazirkan sahaja wang rakyat kerana tiada kawalan yang baik.

Saya suka menyentuh juga berkenaan dengan peruntukan yang diberi di bawah

Aktiviti (1) ini kerana ada di dalam satu taklimat Kementerian Pertahanan sungutan yang terdengar bahawa kita di Dewan ini ataupun Wakil-wakil Rakyat tidak hendak memperjuangkan supaya kesemua peruntukan yang dikehendaki oleh Kementerian Pertahanan boleh benar-benar diluluskan. Kepada saya, dan saya percaya rakan-rakan saya yang lain, berapa juta pun yang dikehendaki oleh Kementerian sebagaimana yang disampainya tadi, kita tidak ragu-ragu meluluskan. Tetapi barangkali sebelum peruntukan dan angka-angka itu dibawa ke sini ada tapisan di tempat-tempat yang lain. Kalau misalnya ada satu bahagian berkehendakkan \$20 juta, galangan ada ditapis pula diluluskan \$15 juta. Saya berharap jika ini benar, sebagaimana sungutan yang saya dengar di dalam taklimat itu, haraplah pihak Kementerian ataupun Menteri yang bertanggungjawab meluluskan supaya jangan ada nanti perkara-perkara yang benar-benar dikehendaki tetapi tidak dapat melengkapkan kepada tentera kita terutama di masa kita menghadapi musuh kita iaitu komunis-komunis yang sedang mengancam negara.

Penghabisannya, Tuan Pengerusi, saya menyentuh Butiran 1100, Aktiviti (4) — Latihan. Sudah diterangkan tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri keperluan kita melatih anggota-anggota kita supaya dapat mereka ini menyesuaikan diri mereka menggunakan senjata moden dan sebagainya. Tetapi apa yang saya suka membawa perhatian Menteri yang berkenaan ialah latihan ini eloklah dibuat dengan cara kita sama-sama berlatih dengan negara-negara yang di dalam rantau ASEAN. Sungguhpun kita ada latihan bercampur dengan negara jiran kita Indonesia dan Singapura tetapi belum kita adakan latihan serentak di antara negara-negara di dalam lingkungan ASEAN. Negara-negara di dalam lingkungan ASEAN adalah negara-negara yang senasib dengan kita. Tenggelam timbulnya kita adalah senasib, kita mempunyai satu common enemy iaitu satu musuh yang sama iaitu komunis daripada utara dan jika kita mengadakan latihan bersama dengan

semua negara-negara anggota ASEAN ini, bukan sahaja kita dapat meluaskan pengalaman kita tetapi juga kita boleh menanam semangat comradeship di antara anggota askar kita dengan anggota-anggota askar Thailand, Singapura, Filipina dan seterusnya Indonesia.

Tuan Pengerusi, sekian sahajalah teguran-teguran saya di dalam tempoh minit yang diberi dan saya dengan ini juga mohon menyokong sepenuhnya peruntukan-peruntukan yang diperlukan oleh Kementerian Pertahanan.

**Tuan Pengerusi:** Kalau tidak ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat hendak bercakap, saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

*5.59 ptg.*

**Tuan Mokhtar bin Haji Hashim:** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Dewan ini, daripada kenyataan perbahasan ini sendiri menggambarkan bahawa seolah-olah mereka bersetuju dengan perkara-perkara yang dipohon oleh Kementerian ini tanpa banyak teguran.

Atas teguran yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor Kementerian sedar atas keadaan yang masih serba kekurangan yang sedang dijalankan bagi menyiapkan anggota-anggota tentera kita yang akan bersara kelak. Langkah-langkah untuk mengatasinya belum lagi dapat dipastikan sungguhpun kajian-kajian sedang dibuat untuk mencari satu penyelesaian bagi mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh kebanyakan daripada bakal bekas perajurit kita ini. Ini termasuklah membuat tinjauan-tinjauan melihat bagaimanakah negara-negara yang lain merancang masa hadapan bagi anggota bekas perajurit mereka.

Tentang masalah untuk membantu mereka mendapatkan rumah, ini telah dapat diringkankan dengan adanya Laporan Gaji Baru untuk Angkatan Tentera baharu-baharu ini di

mana bukan sahaja anggota Angkatan Tentera dibolehkan meminjam daripada Kerajaan untuk membuat rumah malah syarat-syaratnya pun adalah agak dilonggarkan memandangkan bahawa tempoh perkhidmatan anggota-anggota tentera kita tidaklah dapat disamakan dengan tempoh perkhidmatan oleh kakitangan awam dalam Kerajaan.

Tentang kawalan alat setor dan keadaan yang terdapat dalam setor-setor kita — di dalam Kementerian Pertahanan, ini juga tidak dapat dinafikan adalah salah satu masalah yang besar dihadapi oleh Kementerian ini dan saya bersetuju tidak hairan kalau masih terdapat alat-alat yang dibekalkan hanya terpendam, terbengkalai di satu sudut dalam setor yang ada sekarang.

Tuan Pengerusi, Kementerian Pertahanan memandang berat masalah ini malah beberapa usaha untuk melicinkan lagi pentadbiran kawalan setor ini sedang diusahakan umpamanya menentukan bahawa peringkat penerimaan, pengeluaran adalah lebih tersusun kerana dalam keadaan sekarang, yang pertama oleh sebab kekurangan anggota; yang kedua oleh sebab banyaknya bilangan alatan yang hendak dikendalikan, dan yang ketiga oleh sebab banyaknya lokasi ataupun tempat-tempat setor ini ditempatkan yang bertaburan di serata tempat. Perkara-perkara ini semua perlu disusun semula. Tidak hairan umpamanya seperti saya katakan tadi barang-barang yang diperlukan di suatu tempat umpamanya yang diperlukan di Kota Bharu sungguhpun tidak didapati di Kota Bharu, mungkin terdapat di setor Johor Bahru. Ini adalah disebabkan masalah-masalah yang saya sebutkan tadi dan Kementerian sendiri telah mengesyorkan beberapa tahun sudah supaya untuk melicinkan pentadbiran ini, kita patut menggunakan alat-alat komputer. Saya berasa agak dukacita sedikit kerana masih ada pihak-pihak yang belum begitu yakin, kalau yakin sekali pun masih teraba-raba bagaimanakah hendak melaksanakan program Kementerian untuk mengatasi masalah-masalah penyelenggaraan setor seperti yang ditegur oleh pi-

hak Odit dan juga yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Menyentuh tentang latihan bersama, perlu saya tegaskan di sini bahawa latihan-latihan yang sedang kita jalankan adalah untuk menjamin keselamatan kawasan bersama dan menentukan bahawa sebarang operasi yang sedang dijalankan dan mungkin akan dijalankan pada masa-masa hadapan dapat dilaksanakan dengan licin. Oleh sebab itu, memandangkan kepada hakikat ini, kita hanya menekankan pentingnya mengadakan operasi ataupun latihan bersama bagi kawasan-kawasan sempadan bersama dengan negara-negara jiran.

Tentang mengadakan sesuatu latihan serentak di kalangan negara-negara anggota ASEAN, ini tidaklah perlu kerana kawasan yang kita kawal untuk menjamin keadaan keselamatannya adalah kawasan-kawasan sempadan bersama dan memadailah untuk kita mengadakan latihan-latihan di kawasan-kawasan sempadan bersama ini.

Tuan Pengerusi, sekianlah sahaja penjelasan saya atas perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,171,429,000 untuk Kepala B. 28 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$473,825,745 untuk Kepala P. 28 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1978.

*Kepala B. 32 hingga B. 36 (Jadual) —  
Kepala P. 32, P. 35 dan P. 37 (Anggaran Pembangunan, 1978) —*

6.08 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun):** Tuan Pengerusi, dengan izin tuan, saya membentangkan Anggaran bagi Tahun 1978 di bawah Maksud-maksud B. 32 hingga B. 36, Maksud-maksud

P. 32, P. 35 dan P. 67 bagi Anggaran Jabatan-jabatan di bawah potfolio Kementerian Kewangan, dan saya mencadangkan supaya peruntukan yang berikut diluluskan:—

(A) *Anggaran Belanja Mengurus 1978*

(i) Maksud B. 32 — Perbendaharaan	\$ 29,292,500
(ii) Maksud B. 33 — Perkhidmatan Am Perbendaharaan	\$ 133,232,800
(iii) Maksud B. 34 — Peruntukan kepada Kumpulan-wang Terkanun	\$ 692,012,000
(iv) Maksud B. 35 — Kastam dan Eksais Di Raja	\$ 52,922,300
(v) Maksud B. 36 — Jabatan Hasil Dalam Negeri	\$ 33,034,000
Jumlah (A):	<u>\$ 940,493,600</u>

(B) *Anggaran Pembangunan 1978*

(i) Maksud P. 32 — Perbendaharaan	\$ 290,396,342
(ii) Maksud P. 35 — Kastam dan Eksais Di Raja	\$ 14,450,000
(iii) Maksud P. 67 — Perkhidmatan Luar Jangka (Contingencies Services)	\$ 400,000,000
Jumlah (B):	<u>\$ 704,846,342</u>
Jumlah Besar Kementerian Kewangan (A) + (B) =	<u>\$ 1,645,339,942</u>

(A) **ANGGARAN BELANJA MENGURUS**

(i) *Maksud B. 32 — Perbendaharaan*

Perbendaharaan memerlukan peruntukan sebanyak lebih kurang \$29.29 juta di bawah Maksud ini iaitu bertambah sebanyak \$7.23 juta jika dibandingkan dengan peruntukan \$22.06 juta bagi tahun 1977. Peruntukan yang diperlukan adalah untuk Tajuk-tajuk berikut:

(a) *Emolumen*

Sebanyak \$21.05 juta adalah bagi bayaran gaji dan elaun. Ini menunjukkan tambahan sebanyak \$6.61 juta jika dibandingkan dengan peruntukan tahun 1977 sebanyak \$14.44 juta. Tambahan ini perlu bagi membiayai beberapa jawatan baru, kenaikan gaji tahunan serta bayaran berbagai-bagai elaun yang berlaku di sepanjang tahun.

(b) *Perkhidmatan dan Bekalan*

Bagi perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan sebanyak \$5.87 juta adalah diperlukan iaitu bertambah seba-

nyak \$0.99 juta dari peruntukan tahun 1977 sebanyak \$4.88 juta.

Lebih kurang \$1.45 juta adalah untuk sewaan iaitu termasuk sewa ruang pejabat dan sewa alat-alat dan mesin-mesin kegunaan pejabat. Lebih kurang \$1.33 juta dikhaskan di bawah Perjalan dan Pengangkutan Orang bagi kegunaan pegawai-pegawai menjalankan tugas di luar dan di dalam negeri. Perbelanjaan yang lain di bawah Tajuk ini berjumlah \$3.09 juta bagi perhubungan, percetakan, bekalan dan bahan-bahan dan penyelenggaraan dan pembaikan.

(c) *Pemilikan Harta Modal*

Peruntukan sebanyak \$2.37 juta adalah dikehendaki di bawah Tajuk ini. Jika dibandingkan dengan peruntukan tahun 1977, iaitu sebanyak \$2.73 juta, peruntukan bagi tahun 1978 adalah berkurangan sebanyak \$0.37 juta. Peruntukan ini disediakan bagi memampung pembelian alat-alat dan perkakas pejabat yang baru dan mengganti alat-alat lama yang telah rosak.

(ii) *Maksud B. 33 — Perkhidmatan Am Perbendaharaan*

Peruntukan yang diperlukan di bawah Maksud ini ialah sebanyak \$133.24 juta iaitu berkurangan sebanyak \$5.09 juta jika dibandingkan dengan peruntukan tahun 1977 sebanyak \$138.32 juta.

Di antara perbelanjaan-perbelanjaan di bawah Maksud ini, sebanyak \$37.14 juta adalah untuk Perkhidmatan Iktisas dan lain-lain Perkhidmatan yang dibeli dan hospitaliti yang termasuk perbelanjaan Perkhidmatan Rahsia untuk Kementerian dan Jabatan-jabatan tertentu sebanyak \$36.0 juta, dan \$1.14 juta untuk aktiviti-aktiviti lain seperti bayaran komisyen kepada Lembaga Tempatan, Jabatan Pos dan untuk keraian. Sebanyak \$24.24 juta adalah untuk Bayaran Pindahan seperti Pemberian Untuk Jalan Raya Kepada Perbandaran dan Majlis Perbandaran sebanyak \$3.3

juta, Pemberian Tahunan kepada Negeri Selangor kerana kehilangan Hasil Dalam Wilayah Persekutuan sebanyak \$18.3 juta, Bantuan Bayaran Bunga untuk Pinjaman Perumahan di Sabah dan Sarawak sebanyak \$2.32 juta, Elaun dan Pemberian Saguhati sebanyak \$0.2 juta dan sebanyak \$0.12 juta untuk lain-lain perkara. Sebanyak \$4.66 juta adalah untuk sewa rumah Kerajaan Negeri yang diduduki oleh pegawai di Jabatan-jabatan Persekutuan, \$0.9 juta untuk Perjalanan dan Pengangkutan Orang, \$1.55 juta untuk Tuntutan Insuran dan Pampasan, \$64.65 juta bagi Pulangbalik dan Hapuskira dan \$0.1 juta untuk Pelaburan dan Pinjaman.

(iii) *Maksud B. 34 — Peruntukan Kepada Kumpulanwang Terkanun*

Sebanyak \$692.01 juta adalah diperlukan di bawah Maksud ini. Peruntukan bagi tahun 1977 ialah sebanyak \$368.02 juta iaitu bertambah sebanyak \$323.99 juta. Peruntukan sebanyak \$692.01 juta ini adalah bagi kegunaan seperti berikut:—

(a) *Kumpulanwang Cadangan Untuk Negeri (State Reserve Fund)*

Kumpulanwang ini memerlukan \$6.0 juta iaitu bertambah tiga kali ganda daripada peruntukan tahun 1977.

(b) *Kumpulanwang Pampasan Kerana Nateriam Arsanita*

Kumpulanwang ini digunakan untuk membayar gantirugi kepada penternak-penternak yang binatang-binatang ternakan mereka termakan racun Nateriam Arsanita. Peruntukan yang diperlukan di bawah Kumpulanwang ini ialah sebanyak \$12,000.

(c) *Kumpulanwang Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan*

Peruntukan ini ialah sebanyak \$6.0 juta iaitu jumlah yang dijangka akan diterima dari Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan dan sama banyaknya seperti pada tahun 1976 dan 1977.

(d) *Kumpulanwang Pinjaman Perumahan*

Sebanyak \$30.0 juta adalah diperlukan di bawah Kumpulanwang ini iaitu berkurangan sebanyak \$30.0 juta jika dibandingkan dengan peruntukan tahun 1977 yang berjumlah \$60.0 juta.

(e) *Kumpulanwang Perbelanjaan Luar Jangka (Contingencies Fund)*

Sebanyak \$150.0 juta diminta diperuntukkan di bawah Kumpulanwang ini bagi tahun 1978 berbanding dengan sebanyak \$300.0 juta bagi tahun 1977. Kumpulanwang ini adalah berfaedah untuk menampung pendahuluan bagi belanja mengurus.

(f) *Kumpulanwang Pembangunan*

Kumpulanwang ini digunakan bagi menampung kekurangan perbelanjaan pembangunan dan jumlah yang dikehendaki ialah \$500.0 juta.

(iv) *Maksud B. 35 — Kastam dan Eksais Di Raja*

Peruntukan Belanja Mengurus untuk Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja bagi tahun 1978 ialah hampir \$52.92 juta. Jumlah ini bertambah sebanyak \$13.33 juta berbanding dengan peruntukan bagi tahun 1977 sebanyak \$39.59 juta. Pembahagian perbelanjaan mengikut Tajuk-tajuk tertentu adalah seperti berikut:

(a) *Emolumen*

Sebanyak \$45.57 juta adalah diperlukan bagi perbelanjaan gaji dan elaun. Berbanding dengan peruntukan tahun 1977 sebanyak \$32.67 juta, jumlah ini bertambah sebanyak \$12.9 juta. Tambahan ini ialah untuk pembayaran gaji serta kenaikan gaji, elaun lebih masa, elaun pencegah, elaun Singapura, elaun rumah dan berbagai elaun lagi.

(b) *Perkhidmatan dan Bekalan*

Sejumlah \$6.58 juta adalah diperlukan di bawah Tajuk ini. Ini merupakan

tambahan sebanyak \$0.53 juta jika dibandingkan dengan peruntukan tahun 1977 iaitu sebanyak \$6.05 juta.

Tambahan ini adalah untuk belanja Perjalanan dan Pengangkutan orang, Pengangkutan Barang-barang, Kemudahan Perhubungan, Utiliti Sewaan, Perkhidmatan Pencetakan serta Pembelian bekalan pejabat, penyelenggaraan dan memperbaiki rumah-rumah dan pejabat-pejabat Kastam dan juga penyelenggaraan Kereta-kereta dan lanci-lanci Jabatan. Kos bagi mengadakan kursus-kursus di Maktab Latihan Kastam Di Raja di Melaka juga telah bertambah.

(c) *Pemilikan Harta Modal*

Di bawah Tajuk ini peruntukan yang diperlukan ialah \$0.75 juta iaitu berkurangan sebanyak \$0.1 juta jika dibandingkan dengan peruntukan tahun 1977 sebanyak \$0.84 juta.

Peruntukan ini adalah untuk menjalankan projek-projek kecil berkaitan dengan bangunan-bangunan, rumah-rumah kediaman dan Pejabat-pejabat Kastam, serta membeli alat-alat untuk membantu mencegah penyeludupan, perabut-perabut dan kelengkapan pejabat, alat pengganti bagi lanci-lanci dan bot-bot laju serta berbagai perkakas lain.

d) *Pemberian dan Kiraan Bayaran Tetap*

Peruntukan sebanyak \$25,000 adalah diperlukan untuk membuat bayaran caruman kepada "Customs Co-operation Council dan International Customs Tariff Bureau" di Brussels.

(v) *Maksud B. 36 — Jabatan Hasil Dalam Negeri*

Anggaran Belanja Mengurus untuk tahun 1978 bagi Jabatan ini berjumlah \$33.03 juta

iaitu tambahan sebanyak \$8.15 juta daripada peruntukan tahun 1977 iaitu sebanyak \$24.88 juta. Dari jumlah peruntukan tersebut, \$28.02 juta adalah bagi Semenanjung Malaysia, \$2.25 juta bagi Sarawak dan \$2.76 juta bagi Sabah. Peruntukan yang diperlukan adalah bagi Tajuk-tajuk berikut:

(a) *Emolumen*

Peruntukan untuk gaji bagi tahun 1978 diminta sebanyak \$28.19 juta iaitu tambahan sebanyak \$7.5 juta daripada peruntukan tahun 1977 sebanyak \$20.69 juta. Peruntukan ini adalah bagi perbelanjaan gaji dan kenaikan gaji dan elaun-elaun bagi kakitangan Jabatan ini yang ditugaskan untuk menyelenggarakan beban kerja yang bertambah bagi mencapai matlamat utama Jabatan ini ke arah usaha mendapatkan hasil Negara menerusi pemungutan cukai-cukai tertentu.

(b) *Perkhidmatan dan Bekalan*

Peruntukan yang diperlukan di bawah Tajuk ini ialah \$3.69 juta berbanding dengan \$3.54 juta bagi tahun 1977, iaitu bertambah sebanyak \$0.15 juta. Ini adalah bagi perbelanjaan seperti Perjalanan dan Pengangkutan Orang, Perhubungan, Api, Air dan Letrik, Sewa dan Perkhidmatan Pencetakan yang semakin bertambah dari setahun ke setahun.

(c) *Pemilikan Harta Modal*

Peruntukan yang diperlukan di bawah Tajuk ini ialah \$1.15 juta iaitu \$0.51 juta lebih daripada peruntukan tahun 1977 yang berjumlah \$0.64 juta. Sebahagian besar dari peruntukan ini ialah perbelanjaan untuk membeli alat-alat dan kelengkapan pejabat, tambahan perabut yang baru sebagai pengganti yang lama. Peruntukan ini juga digunakan untuk memperbaiki dan membuat perubahan kepada bangunan-bangunan pejabat yang ada sekarang.

(B) *ANGGARAN PEMBANGUNAN*(i) *Maksud P. 32 Perbendaharaan*

Peruntukan yang diperlukan di bawah Maksud ini berjumlah \$290.39 juta iaitu untuk tujuan-tujuan berikut:

- (i) Pinjaman kepada Kerajaan-kerajaan Negeri bagi pembangunan Lingkungan/Kawasan Perdagangan dan Kawasan Perusahaan sebanyak \$0.39 juta.
- (ii) Pembayaran kepada Kerajaan Negeri Selangor sebanyak \$75.0 juta.
- (iii) Bagi Kumpulanwang Pelaburan Bumi-putra sebanyak \$200.0 juta.
- (iv) Peruntukan Kepada Bank Simpanan Nasional sebanyak \$15.0 juta.

(ii) *Maksud P. 35 — Kastam dan Eksais Di Raja.*

Peruntukan sebanyak \$14.45 juta adalah diperlukan bagi tahun 1978. Bagi tahun 1977 peruntukan sebanyak \$17.34 juta telah disediakan. Ini menunjukkan bahawa peruntukan tahun 1978 berkurangan sebanyak \$2.89 juta jika dibandingkan dengan tahun 1977. Peruntukan tersebut adalah untuk perkara-perkara tersebut:—

I. *Semenanjung Malaysia*

Bagi Semenanjung Malaysia peruntukan tahun 1978 berjumlah sebanyak \$11.76 juta berbanding, dengan jumlah \$14.24 juta untuk tahun 1977, iaitu berkurangan sebanyak \$2.48 juta. Peruntukan sebanyak \$11.76 juta ini adalah untuk perkara-perkara berikut:

- (a) Sebanyak \$6.54 juta adalah untuk pembinaan Komplek Kastam di Pelabuhan Kelang, rumah-rumah kediaman di Pelabuhan Kelang, Rantau Panjang, Johor Bahru, Melaka, Butterworth, Paroi dan Port Dickson serta mess pegawai di Maktab Latihan Kastam Di Raja di Melaka.
- (b) Sebanyak \$5.22 juta adalah diperlukan untuk pembelian kenderaan dan kelengkapan-kelengkapan seperti lori,

bas, Land Rover, lanci, bot laju, senjata api, injin moto sangkut, alat-alat Perhubungan, Mesin penerimaan N.C.R. 2000 dan berbagai perkakas lain.

II *Sarawak*

Bagi Sarawak peruntukan untuk tahun 1978 ialah sebanyak \$1.15 juta berbanding dengan \$1.93 juta bagi tahun 1977, iaitu berkurangan sebanyak \$0.28 juta. Peruntukan sebanyak \$1.0 juta adalah untuk projek-projek pembinaan pejabat dan perumahan di Kuching dan Marudi sementara sebanyak \$0.15 juta pula adalah untuk pembelian kenderaan dan kelengkapan seperti bot laju, injin moto sangkut, Land Cruiser dan mesin penerimaan N.C.R. 270.

III. *Sabah*

Peruntukan bagi Sabah untuk tahun 1978 ialah \$1.53 juta iaitu tambahan sebanyak \$0.36 juta jika dibandingkan dengan peruntukan tahun 1977 sebanyak \$1.17 juta.

Peruntukan berjumlah \$0.83 juta adalah diperlukan untuk menampung perbelanjaan projek-projek pembinaan pejabat dan perumahan di Labuan, Tawau dan Lahad Datu, Menumbuk, Kunak dan Sandakan. Peruntukan sebanyak \$0.7 juta juga diperlukan untuk membeli beberapa buah "Land Cruiser" dan bayaran kemajuan ke atas pembinaan sebuah lanci.

(iii) *Maksud P. 67 — Luar Jangka (Contingencies)*

Sebanyak \$400.0 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud ini sebagai simpanan untuk pendahuluan bagi projek-projek yang akan dilaksanakan tetapi peruntukan baginya tidak disediakan dalam anggaran atau untuk menambah peruntukan-peruntukan yang didapati tidak mencukupi.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

6.28 ptg.

**Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor):** Tuan Pengerusi, saya suka menyenutuh P. 32, muka surat 246 Butiran 2 di bawah tajuk Pembayaran kepada Kerajaan Negeri Selangor.

Tuan Pengerusi, asal usul ataupun sejarah maka pembayaran ini dibuat adalah kerana penyerahan Kuala Lumpur kepada Kerajaan Pusat. Penyerahan Kuala Lumpur kepada Kerajaan Pusat adalah atas semangat muhibbah (goodwill) dan tidak sekali-kali dibuat di atas semangat jual-beli ataupun tawar-menawar.

Kerajaan Negeri Selangor sedang membuat ibu negeri yang baru iaitu di Shah Alam dan dengan hanya ada bayaran ataupun diberi advance dari satu masa ke satu masa ataupun dari setahun-kesetahun berjumlah \$75 juta sebagaimana di dalam peruntukan ini adalah satu faktor yang membuatkan kelambatan ibu negeri baru bagi Negeri Selangor iaitu Shah Alam di bina.

Saya meminta agar Kementerian yang berkenaan dapat benar-benar patuh kepada persetujuan yang telah diambil dimasa penyerahan atas semangat muhibbah (goodwill) yang

saya katakan itu iaitu ditentukan sebagai hasrat perjanjian jangka masa menjelaskannya. Kalau saya tidak silap jangka masa menjelaskan adalah dalam tempoh dua tahun. Dan juga diberi satu syarat jangka masa membuat taksiran segala asset yang ada di Kuala Lumpur, ini di dalam tempoh satu tahun. Tetapi sehingga hari ini taksiran asset itu belum dibuat, jauh lagi pula untuk menjelaskan sebagaimana di dalam perjanjian dalam masa dua tahun. Apa yang diberi adalah sebagaimana yang saya terangkan tadi tiap-tiap tahun \$25 juta dan ada kalanya kurang daripada itu.

Saya harap dapat dilebihkan peruntukan ini supaya ibu negeri Selangor itu.....

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat boleh sambung esok.

**Raja Nasron bin Raja Ishak:** Terima kasih.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang esok, Jumaat 9.12.77.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*